MEMORANDUM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

MEMORANDUM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

KERAJAAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

MEMORANDUM

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2018

MEMORANDUM INI HENDAKLAH DIBACA BERSEKALI DENGAN
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

KATA ALUAN
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI SELANGOR

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

Memorandum Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) yang diterbitkan pada tahun 2020 ini memuatkan ulasan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2018. Secara spesifiknya memorandum ini akan memberi ulasan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam LKAN berkaitan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2018 dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor; Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Siri 2 Tahun 2018. Hanya isu-isu yang memerlukan maklumbalas terkini dimuatkan dalam memorandum ini dengan merujuk kepada status isu yang dimuatkan dalam *Auditor General's Dashboard.*

Memorandum ini mengandungi dua bab utama seperti berikut:

- BAB 1 dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian I adalah ulasan berkaitan Penyata Kewangan Tahun 2018. Bahagian II memuatkan ulasan terhadap analisa kewangan Kerajaan Negeri. Bahagian III pula, memuatkan ulasan agensi-agensi negeri berkaitan teguran audit melibatkan Penyata Kewangan. Bahagian IV pula memuatkan ulasan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri terhadap isu-isu yang dibangkitkan di dalam LKAN 2018.

- BAB 2 pula memuatkan ulasan Siri 2 pengurusan aktiviti berkaitan Pengurusan Bas Smart Selangor di bawah seliaan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS). Bab ini juga turut memuatkan ulasan isu-isu audit berkaitan Program Pembangunan Sukan di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor dan Tadbir Urus Korporat di bawah SACC Convec Sdn. Bhd.

Adalah diharapkan maklumat yang terkandung di dalam memorandum ini dapat membantu pihak-pihak berkepentingan membuat keputusan berkesan dalam tadbir urus dan perancangan.

DATO' NOR AZMIE DIRON D.P.M.S.
Pegawai Kewangan Negeri

KANDUNGAN

PERKARA		MUKA SURAT
	KATA ALUAN	iii
BAB 1	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018	
	PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SELANGOR	
BAHAGIAN I	Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	5
BAHAGIAN II	Analisis Kewangan Kerajaan Negeri	9
BAHAGIAN III	Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri	15
BAHAGIAN IV	Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	23
BAB 2	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018	
	PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR SIRI 2	
SIRI 2	PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR	
	UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR Pengurusan Bas Smart Selangor	29
	MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR Program Pembangunan Sukan	54
	PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR – SACC CONVEC SDN BHD Tadbir Urus Korporat	63

BAB 1

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SELANGOR

BAHAGIAN 1

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

ULASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI SELANGOR TAHUN 2018

BAHAGIAN I : PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
3. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018	
3.2 Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor bagi tahun 2018 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. Pada pendapat Audit secara keseluruhannya Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor menunjukkan gambaran yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Kerajaan Negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini **(Rujuk LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018, mukasurat 1-5).**	Perbendaharaan Negeri Selangor telah mengekalkan rekod pencapaian Sijil Audit Bersih sejak tahun 1990. Pencapaian ini akan diteruskan pada masa-masa akan datang bagi memastikan maklumat kewangan dan perakaunan yang dibekalkan dalam Penyata Kewangan adalah sentiasa relevan dan tepat untuk pembuatan keputusan yang berkesan oleh pihak-pihak yang berkepentingan.

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II : ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
12.0 Syor Audit	
12.1 Kerajaan negeri adalah disyorkan untuk meningkatkan usaha untuk mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tungggakan hasil/bayaran balik pinjaman/ hutang lain daripada jabatan/agensi kerajaan;	Perbendaharaan Negeri Selangor komited dalam menjalankan usaha yang berterusan bagi mengurangkan tunggakan Pinjaman Boleh Dituntut dan tunggakan hasil/bayaran balik pinjaman. Pada masa ini, antara kaedah yang dilaksanakan adalah dengan mengeluarkan notis/surat peringatan secara berjadual serta mengadakan perbincangan dengan pihak peminjam bagi meneliti semula permasalahan serta kemampuan kewangan masing-masing. Dalam keadaan tertentu, penstrukturan semula baki pinjaman turut dilaksanakan bagi membolehkan pemulihan kedudukan kewangan peminjam berada di tahap yang lebih baik sekali gus dapat membuat bayaran balik pada masa akan datang.
12.2 meningkatkan usaha mengutip tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh **(Rujuk LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018, mukasurat 2-57).**	Kerajaan Negeri secara berterusan mempertingkatkan usaha mengutip tunggakan hasil. Langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut: (i) mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Pemantauan Hasil dan Mengurangkan Tunggakan Cukai Tanah Negeri Selangor yang dianggotai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor dan kesemua sembilan (9) Pejabat Daerah/ Tanah Negeri Selangor;

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	(ii) mengadakan Mesyuarat Tunggakan Cukai Tanah Anak-Anak Syarikat/Agensi Kerajaan Negeri Selangor yang dianggotai oleh Perbendaharaan Negeri Selangor, Pejabat Tanah dan Galian Selangor, kesemua sembilan (9) Pejabat Daerah/Tanah Negeri Selangor dan Anak-Anak Syarikat serta Agensi Kerajaan Negeri Selangor; (iii) melaksanakan Operasi Mengutip Cukai Tanah Tertunggak (Ops Kutip) dengan mengemukakan notis peringatan bayaran kepada pemilik-pemilik yang gagal menjelaskan cukai tanah; (iv) melaksanakan lebih banyak program kutipan turun padang menggunakan van kaunter kutipan hasil bergerak di kawasan-kawasan yang dikenalpasti iaitu kawasan perumahan dan tempat-tempat tumpuan awam seperti pasar pagi, pasar malam dan juga kompleks membeli belah bagi memudahkan orang ramai untuk membayar cukai tanpa perlu hadir ke mana-mana Pejabat Daerah/Tanah; (v) Pejabat Daerah/Tanah di luar bandar seperti Kuala Langat melaksanakan kempen promosi pembayaran cukai dalam usaha menggalakkan pembayar cukai untuk membayar sambil berpeluang mendapatkan hadiah melalui cabutan bertuah; (vi) melaksanakan usaha meningkatkan kesedaran mengenai pembayaran cukai tanah melalui hebahan *flyers* dan iklan di surat khabar; (vii) melaksanakan pengenaan fi cukai petak bagi pembangunan berstrata selaras dengan pindaan Akta Hakmilik Strata (Pindaan 2016) (A1518) berkuatkuasa mulai 1 Jun 2018; dan

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	(viii) mengadakan Bengkel Pengurusan Hasil Tanah bagi menambah pengetahuan dalam menyelesaikan tunggakan cukai tanah hak milik bermasalah. Contohnya, tunggakan cukai tanah disebabkan pembatalan hak milik kerana Pengambilan Tanah dan Hak Milik Bertindih.

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

BAHAGIAN III: PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr>
<td>

5.0 Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan

5.2.5 Bagi tahun kewangan 2018, sebanyak tujuh penyata kewangan BBN, enam penyata kewangan PBT dan satu penyata kewangan MAI telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran. Sebanyak satu penyata kewangan BBN telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan *Emphasis of Matter* dan empat penyata kewangan agensi telah diberikan Pendapat Berteguran seperti dalam Jadual 5

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN AGENSI YANG DIBERIKAN PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER* DAN PENDAPAT BERTEGURAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2018

BIL.	AGENSI	ASAS KEPADA PENDAPAT
PENDAPAT TANPA TEGURAN DENGAN *EMPHASIS OF MATTER*		
1.	Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)	MSNS mengalami kerugian bersih sebanyak RM11.05 juta dalam tahun kewangan berakhir 31 Disember 2018 dan pada tarikh tersebut, liabiliti semasa telah melebihi aset semasa sebanyak RM25.71 juta dan mempunyai defisit dalam dana terkumpul sebanyak RM6.13 juta. Kedudukan kewangan ini memberikan keraguan terhadap keupayaan MSNS untuk meneruskan operasi sebagai suatu entiti dengan andaian usaha berterusan (*going concern*).
PENDAPAT BERTEGURAN		
1.	Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIV)	**Bank – RM27,052** Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama. **Pelaburan – RM2,443** Kedudukan sebenar pelaburan KWBIV yang terdiri daripada saham BHP Billiton Limited dan South32 di pasaran saham Australia tidak dapat disahkan kerana pengesahan baki pelaburan tidak dikemukakan. Pihak KWBIV juga tidak mengiktiraf pelaburan saham ini pada nilai pasaran menyebabkan nilai pelaburan sebenar terkurang nyata. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.
2.	Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney	**Bank – RM31,454** Baki akaun bank tidak dapat disahkan kerana surat pengesahan daripada pihak bank tidak dikemukakan. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada baki bank adalah benar dan saksama. **Pelaburan – RM6,964** Terdapat perbezaan di antara amaun di penyata kewangan dengan amaun di pengesahan bank. Oleh itu, pendapat audit tidak dapat dinyatakan sama ada amaun pelaburan adalah benar dan saksama.
3.	Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa	**Pelaburan – RM13,098** Pengesahan baki Pelaburan Tersiar Harga bagi British War Stock atas nama Tai Wa Fund tidak dikemukakan. Oleh itu, pihak audit tidak dapat menentukan kewujudan, pemilikan dan ketepatan amaun pelaburan.
4.	Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ)	**Hartanah, Loji dan Peralatan – RM78.52 juta** MPAJ tidak mengakaunkan hartanah milik MPAJ iaitu 30 unit Apartment Council Home di Desa Lembah Pantai. Oleh itu, nilai sebenar hartanah, loji dan peralatan yang terkurang nyata tidak dapat disahkan.

Sumber: Jabatan Audit Negara

(Rujuk LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Selangor Tahun 2018, mukasurat 3-10).

</td>
<td>

Ulasan Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS)

Masalah ini bermula sejak tahun 2010 lagi bila mana pada tahun tersebut, Kerajaan Negeri Selangor telah mengarahkan MSNS agar aset tetap berjumlah RM91,487,028.00 diserahkan kepada Menteri Besar Incorporated (MBI). Transaksi ini telah dinyatakan pada Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2010.

Keadaan ini semakin meruncing pada tahun 2012 apabila pihak TTDI Land Sdn Bhd telah membuat tuntutan hutang berjumlah RM22,690,000.00 yang mana jumlah hutang tersebut adalah hasil usaha sama pembangunan yang dijalankan untuk projek menyiapkan Kompleks Sukan di Seksyen 13, Shah Alam.

Pihak TTDI Land telah membuat tuntutan dan pihak mahkamah telah mengesahkan bahawa tuntutan ini dikira bermula dari tahun 2007 dikenakan faedah sebanyak 5% setahun.

Oleh yang demikian, MSNS telah mencatatkan liabiliti yang tinggi dengan ketiadaan aset yang telah dipindahkan kepada MBI menyebabkan liabiliti yang direkodkan mengatasi jumlah aset yang sedia ada. Disebabkan perkara yang dinyatakan di atas, penyata kewangan yang disediakan setiap tahun telah menggambarkan bahawa keraguan terhadap keupayaan MSNS untuk meneruskan operasi sebagai suatu entiti dengan andaian usaha berterusan *(going concern)*.

</td>
</tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Ulasan Kumpulan Wang Biasiswa Institusi Victoria (KWBIV) Pihak KWBIV telah pun menghantar emel kepada Standard Chartered untuk mendapatkan pengesahan baki pelaburan tersebut namun pihak bank masih tidak dapat memberikan pengesahan kerana mereka masih mencari maklumat di peringkat dalaman. Maklumbalas terkini pihak bank pada 11 September 2020 adalah seperti di bawah:- **From:** Lee, Ann Ting <Lee.Ann-Ting@sc.com> **Sent:** Friday, 11 September, 2020 10:34 PM **To:** zamri mohd zaman khan **Cc:** Noreha Binti Mohamed Saad; Vellu, Susila **Subject:** RE: [External] Inquires CONFIDENTIAL Hi Encik Zamri, Hope you have been well. I need to check internally which dept knows about 1) Sir Henry Gurney and 2) Victoria Institution Trust Fund market price as I am not familiar in this respect. Will connect once I got the right contact. As for the British War Stock, according to SCB UK it was fully redeemed in 2015 and there are some small dividend received by SCB Raffles Nominees over the years currently under SCB SG's safekeeping. Like I have explained previously, we are happy to coordinate with SCB SG on the claim subject to sufficient evidence of ownership and indemnity letter are produced. I remember you mentioned seeking advice from your legal on this matter in our last email and what was the outcome? Regards, Ann Ting Manakala pengesahan baki akaun bank sebanyak RM27,052.00 bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah pun diterima dari pihak bank seperti berikut :-

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Standard Chartered Appendix 1 Company : VICTORIA INSTITUTION TRUST FUNDS Date Request : 06.09.2019 Close Business Date : 31.12.2018 A) Balance of: - Total Outstanding/Remarks: - 1. *Current Accounts* *(Secured/Unsecured)* *Current Account No.* : *312100906689 = RM 27,052.09 CR* *312100906697 = RM 31,453.82 CR* 2. *Fixed Deposit Account No.* : *N/A* 3. *Loan Account No.* : *N/A* B) Other Items: - 1. Others : - N/A Kindly ensure all future requests for confirmation are signed by the authorised signatories of the company and are submitted together with the company stamp. To assist us in checking your customer's balances, please quote the *account number(s)* and *address*. *To the best of our knowledge and believe, the information set out above is complete and must be treated as strictly private and confidential and is furnished without responsibility on the part of the Bank or its officers.* Ulasan Kumpulan Wang Amanah Memperingati Sir Henry Gurney (KWAMSHG) Pengesahan baki akaun bank berjumlah RM31,454.00 bagi tahun berahir 31 Disember 2018 telah pun diterima seperti di atas. Perbezaan amaun di antara Penyata Kewangan dan amaun yang dinyatakan oleh pihak bank telah diselaraskan dalam Pelaporan Penyata Kewangan tahun 2019. Ulasan Kumpulan Wang Amanah Hospital Tai Wa Pengesahan bagi Pelaburan Tersiar Harga atas nama Tai Wa Fund tersebut telah dapat disahkan berdasarkan sijil yang dikemukakan oleh pihak Standard Chatered Bank Malaysia Berhad pada 22 Februari 2018 dengan jumlah yang dinyatakan dalam mata wang GBP sebanyak £2,400.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	 £3.10s. PER CENT. WAR STOCK. Folio D53/16569 £ 2,400 -1 - No 3/759715 A This is to Certify that TAI WA HOSPITALS BOARD of Kuala Lumpur Federated Malay States ---------- are the registered proprietors of Two thousand four hundred pounds ---------- £3 10s PER CENT WAR STOCK Bank of England this 5th day of November 19 41 Registration Clerk. Chief Accountant. * Deed transferring the whole or any part of the holding represented by this Certificate will be registered until the Certificate has been delivered at the Bank of England. Pentadbiran ini juga telah berusaha untuk mencairkan pelaburan tersebut dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Computershare Investor Services PLC pada 27 September 2019 dan 28 Februari 2020. PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN, NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN, TINGKAT 18, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH, 40503 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN. Selangor State Secretary 19th Floor, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah 40592 Shah Alam Selangor Darul Ehsan MALAYSIA 27 September 2019 Computershare Investor Services PLC The Pavilions, Bridgwater Road Bristol, BS99 6ZZ United Kingdom Dear Sir, **STOCKS REDEMPTION INSTRUCTION – BRITISH WAR STOCK** On behalf of Tai Wa Hospitals Board of Kuala Lumpur, we wish to redeem our stocks holding in British War Stock that has been invested since 4th of November 1941. With reference to the Financial Statement of Tai Wa Hospitals Board of Kuala Lumpur for year ended 31st of December 2018, total value of the said stock is reported at £2,400. The copy of Investment Certificate (D53/16569) as enclosed in **Appendix A**. As far as this matter is concern, the authorised signatories in your record may not be updated. For your information, the appointment of the Board members is subject to change based on the official appointment of officers in various departments of the Selangor State Government. This is constituted under Section 3(i) of the Tai Wah Hospital Enactment as below:- "In exercise of the powers conferred under section 3(i) of the Tai Wah Hospitals Enactment, the Ruler-In-Council has appointed the following as members of the Tai Wah Hospitals Board with effect from 1-7-92: Director of Medical Health Services, Selangor – (Chairman) Assistant State Secretary (Finance), State Secretariate Officer, Selangor – (Secretary) Deputy Director of Medical and Health Services, Selangor – (Treasurer) All Chinese member of the State Assembly Selangor are automatically appointed as members of the Board." (Sila catatkan rujukan kami apabila berhubung) .../2

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	- 2 - Kindly refer to the copy of Tai Wa Hospitals Board of Kuala Lumpur in **Appendix B**. At this point of time, the officiating or acting personnel for the above positions, who is duly authorized to represent the Board of Directors as below: (i) Dato' Dr. Khalid bin Ibrahim, Director of Medical Health Services, Selangor – (Chairman) (ii) Mr. Mohd Ikram bin Seri@Rahimi, Assistant State Secretary (Finance), State Secretariate Officer, Selangor (Secretary) (iii) Mr. Wong Kim Han @ Robert, Deputy Director of Medical and Health Services, Selangor – (Treasurer) We hope the content of this letter provides you all the relevant information in order to undertake the instruction according to your preferred terms. Should you need any further information, please do not hesitate to contact the officers undersigned: (i) Mr. Mohd Ikram bin Seri@Rahimi - ikram.rahimi@selangor.gov.my (ii) Mdm. Noreha binti Mohamed Saad - noreha@selangor.gov.my We look forward to hearing from you soon. Your cooperation in this matter is very much appreciated. Thank You. Yours Faithfully, **(DATO' DR. KHALID BIN IBRAHIM)** Director of Medical Health Services, Selangor (Chairman) **MOHD IKRAM BIN SERI @ RAHIMI)** Assistant State Secretary (Finance), State Secretariate Officer, Selangor (Secretary) Seterusnya, Pentadbiran ini turut menerima maklum balas daripada pihak Computershare melalui emel bertarikh 20 Jun 2020 yang menyatakan bahawa amaun pencairan pelaburan akan disediakan seperti mana permohonan. Ulasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya MPAJ telah mengambil tindakan mengakaunkan Hartanah milik MPAJ iaitu 30 unit Apartment Council Home di Desa Lembah Permai di dalam Penyata Kewangan tahun 2019.

BAHAGIAN IV

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

BAHAGIAN IV : PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td>

2.0 Mesyuarat Kira-Kira Wang Awam Negeri

Sepanjang tahun 2018 hingga 30 September 2019, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri telah bermesyuarat sebanyak enam kali untuk membuat pemeriksaan dan membincang isu yang berbangkit dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2016 serta 2017 **(Rujuk LKAN 2018, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Prestasi Kewangan Agensi, muka surat 4-3).**

</td><td>

Selaras dengan Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan, Dewan Negeri Selangor telah membentangkan ketiga-tiga Laporan Ketua Audit Negara tahun 2017 di Dewan Negeri Selangor seperti berikut:

i. LKAN Siri 1 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan & Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri) Tahun 2017 - *dibentang 23 November 2018*

ii. LKAN Siri 2 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan & Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri) Tahun 2017 - *dibentang 29 Julai 2019*

iii. LKAN Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Tahun 2017 - *dibentang 29 Julai 2019*

Ketiga-tiga buku laporan tersebut telah diteliti oleh Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Tuan Rizam bin Ismail.

Sehubungan itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan telah mengadakan pendengaran dan semakan seperti berikut:

<table>
<tr><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr>
<tr><td>Jabatan Perhutanan Negeri Selangor</td><td>11 Januari 2018</td></tr>
<tr><td>Majlis Perbandaran Subang Jaya,</td><td>8 Februari 2018</td></tr>
</table>

</td></tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	<table><tr><td>Communication Corporation Sdn. Bhd.</td><td>12 April 2019</td></tr><tr><td>Majlis Agama Islam Selangor</td><td>19 April 2019</td></tr><tr><td>Jabatan Pertanian Negeri Selangor</td><td>16 Mei 2019</td></tr><tr><td>Perbendaharaan Negeri Selangor</td><td>18 September 2019</td></tr></table> Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor telah meneruskan penelitian terhadap LKAN Tahun 2017 seperti berikut: <table><tr><th>Tindakan</th><th>Tarikh</th></tr><tr><td>Pendengaran bersama PIYS Sdn Bhd dan Perbendaharaan Negeri Selangor berhubung LKAN Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2017 (4.8.1.3 C)</td><td>2 Oktober 2019</td></tr><tr><td>Lawatan ke Taman Kekal Pengeluaran Makan (TKPM) Sungai Blankan, Jabatan Pertanian Negeri Selangor berhubung LKAN Pengurusan Aktiviti Kewangan dan Pengurusan Syarikat Siri 1</td><td>4 Disember 2019</td></tr></table> Ahli Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor juga telah memutuskan untuk mula meneliti LKAN Siri 1 Tahun 2018 (yang telah dibentangkan pada 1 November 2019 di Dewan Negeri Selangor). Mesyuarat yang diadakan pada 7 Februari 2020 telah meneliti LKAN Siri 1 Tahun 2018 dan bersetuju untuk memanggil Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS). Sesi Pendengaran Tertutup telah diadakan pada 13 Februari 2020 bersama pihak

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Selangor (PPAS). Dewan Negeri Selangor juga telah membentangkan ketiga-tiga Laporan Ketua Audit Negara tahun 2018 di Dewan Negeri Selangor selaras dengan Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan seperti berikut: i. LKAN Siri 1 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan & Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri) Tahun 2018 – *Dibentang pada 1 November 2019* ii. LKAN Siri 2 (Pengurusan Aktiviti / Kewangan & Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri) Tahun 2018 – *dibentang pada 17 Mac 2020* iii. LKAN Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Tahun 2018 – *dibentang pada 17 Mac 2020* Selepas selesai Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor yang berlangsung pada 13 – 16 Julai 2020, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor akan mula meneliti LKAN Siri 2 Tahun 2018 dan LKAN Penyata Kewangan Tahun 2018 yang telah dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 17 Mac 2020.

BAB 2

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/ AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR SIRI 2

ULASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

SIRI 2 : PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI SELANGOR
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

1. Pengurusan Bas Smart Selangor

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
6.1 Prestasi Program Bas Smart Selangor	
6.1.2. Pencapaian Output Bilangan Bas Smart Selangor	Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri
a. Berdasarkan Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas yang ditandatangani antara PBT dan operator, menghendaki operator memastikan bas beroperasi mengikut bilangan bas dan laluan yang ditetapkan. Pemeriksaan Audit bagi memastikan operasi bas dilaksanakan mengikut perjanjian telah dijalankan pada bulan September hingga Oktober 2018. b. Berdasarkan jadual di atas, bilangan bas yang beroperasi adalah kurang antara satu (1) dan dua (2) bas daripada jumlah bas yang ditetapkan dalam perjanjian. Pihak operator didapati gagal untuk menyediakan bilangan bas seperti yang telah ditetapkan. c. Berdasarkan temu bual dengan Penolong Pegawai Perancang Bandar JA29 di MBSA dan Penolong Pengarah J41 di MPSJ, masalah kerosakan bas sedia ada dan bas ganti serta kekurangan pemandu menyebabkan kekurangan bilangan bas yang sepatutnya beroperasi. Keadaan ini menyebabkan pergerakan bas tidak mengikut jadual yang ditetapkan dan akan menjejaskan keyakinan pengguna terhadap program Bas Smart Selangor.	Bilangan bas ditentukan mengikut jarak laluan, kawasan dan juga *trial run* yang dilaksanakan oleh PBT sebelum cadangan laluan dan bas dibentangkan. Namun bilangan bas juga ditetapkan mengikut kemampuan kewangan semasa iaitu menggunakan peruntukan sedia ada. Penambahan bas adalah mengikut keperluan dan akan dipertimbangkan jika data penumpang yang dibentangkan oleh PBT mempunyai keperluan dan permintaan serta ketersediaan peruntukan sama ada di peringkat Kerajaan Negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini kerana penambahan bas akan meningkatkan jumlah peruntukan yang perlu disediakan untuk tahun seterusnya. Dengan jumlah peruntukan yang terhad, tiada penambahan bas atau laluan baru yang ditanggung Kerajaan Negeri pada tahun 2019 dan 2020 kerana peruntukan tahunan sedia ada hanya mampu untuk membiayai kos laluan sedia ada.

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr>
<td>Pada pendapat Audit, pencapaian bilangan Bas Smart Selangor adalah kurang memuaskan berikutan bilangan bas yang beroperasi kurang daripada bilangan yang ditetapkan dalam perjanjian. (Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-11 dan 1-12)</td>
<td>
Jadual 1
Jumlah Laluan Dari Tahun 2015 Hingga 2020
<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Laluan Baru</th><th>Laluan Dipinda/ Dimansuh</th><th>Jumlah</th></tr>
<tr><td>2015</td><td>3</td><td>0</td><td>3</td></tr>
<tr><td>2016</td><td>12</td><td>0</td><td>15</td></tr>
<tr><td>2017</td><td>15</td><td>0</td><td>30</td></tr>
<tr><td>2018</td><td>4</td><td>1</td><td>35</td></tr>
<tr><td>2019</td><td>8</td><td>1</td><td>43</td></tr>
<tr><td>2020</td><td>0</td><td>1</td><td>43</td></tr>
</table>

Berdasarkan Jadual 1, pengiraan semula laluan adalah berdasarkan pertambahan atau pindaan laluan yang dipersetujui di peringkat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor.

Dalam menambahbaik pengurusan Bas Smart Selangor, Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor sering menegaskan keperluan pemantauan berkala oleh PBT terhadap operator di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor. Namun begitu, pembayaran kepada operator adalah berdasarkan jumlah bas yang beroperasi atau penalti dikenakan kepada operator yang tidak mematuhi perjanjian. Berdasarkan Bengkel Penambahbaikan Perkhidmatan dan Pengurusan Bas Smart Selangor pada 18 April 2019, beberapa template pelaporan dicadangkan untuk diselaraskan dan digunapakai oleh PBT bagi tujuan penambahbaikan untuk memastikan pengoperasian bas dengan lebih memuaskan termasuk pemantauan PBT.

Cadangan template Pelaporan Bulanan, Pemantauan, Notis Peringatan, Penalti / Denda seperti berikut:-
</td>
</tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan

FORMAT PELAPORAN BULANAN (III) - Keseluruhan
Logo Selangor / Logo PBT

PBT : **Syarikat Operator :**
Laporan Bulan / Tahun:

Laluan	Jumlah Bas	Jumlah Trip	Kategori Penumpang		Jumlah Penumpang	Catatan (jika berlaku kerosakan / bas tidak bergerak)
			Warganegara	Bukan Warga		

Disediakan oleh:	Chop Syarikat :	Disemak dan disahkan oleh:

Tarikh Laporan Dikeluarkan :

FORMAT LAPORAN PEMANTAUAN

Tarikh : **Laluan :**
Masa : **Kapten / Pemandu :**
Jumlah Bas : **No. Bas :**

Bil.	Perkara	Ya	Tidak
1.	Bas beroperasi mengikut jadual		
2.	Perjalanan Bas Direkodkan		
3.	Bas dalam keadaan bersih dan baik Kerosakan :		
4.	Jumlah Trip sama seperti di dalam Jadual Jumlah trip semasa :		
5.	Kemudahan di dalam bas berfungsi? CCTV WIFI Percuma PCM		
6.	Bas berhenti di setiap hentian Memperlahankan bas dihentian jika tiada penumpang		
7.	Kapten / Pemandu : Senyum Tidak menggunakan telefon bimbit ketika memandu Mengambil dan menurunkan penumpang dengan baik Beruniform kemas Memandu dengan berhemah		
8.	Ada maklumat atau nombor aduan Dalam bas Luar / badan bas		
9.	Lain-lain (sila nyatakan)		

Catatan / Ulasan :

Arahan / Tindakan Lanjut :

Nama Pegawai Yang Menjalankan Pemantauan: **Wakil Operator :**

Cop dan Tandatangan

Disemak dan Disahkan :

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan

NOTIS PERINGATAN / NOTIS TINDAKAN PEMBETULAN

KEPADA : **Syarikat Operator**	**No. Rujukan :** **Tarikh :** **Nama Penerima :** **Tarikh :** **Tandatangan :**

PEMBERITAHUAN NOTIS TINDAKAN PEMBETULAN (*NOTICE TO CORRECT*) BAGI PELAKSANAAN OPERASI BAS SMART SELANGOR DI KAWASAN _____

Merujuk perkara di atas, pihak Majlis mendapati pihak tuan gagal melaksanakan kerja mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan semasa pemeriksaan dijalankan / tidak menepati terma-terma yang ditetapkan seperti berikut :-

Tarikh :
Masa :
Laluan :

Jenis-jenis kesalahan yang didapati adalah seperti berikut :

Bil.	Tarikh	Jenis Kesalahan	Kadar NTC / Jumlah NTC	
			Pemerhatian	Jumlah (RM)
1.	1.1.2019	Tidak menyediakan bas diesel seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak	1 buah bas x RM 800	800.00
2.	12.10.2019	Jumlah trip sehari kurang daripada yang telah ditetapkan dalam kontrak		
3.				
4.				
			JUMLAH	

2. Syarikat tuan dikehendaki melaksanakan pembetulan dengan segera bagi memperbaiki tahap perkhidmatan Bas Smart Selangor dan mengemaskini tindakan yang dilaksanakan kepada pihak Majlis dalam tempoh .....

3. Pihak Majlis akan membuat pemotongan bagi penalti yang dikenakan ke atas pihak tuan atas kegagaln pihak tuan kerana tidak mematuhi syarat-syarat di dalam kontrak.

Sekian, terima kasih.

Nama, Tandatangan & Jawatan Pelapor	Disokong oleh :	Disahkan oleh :
.....	.....	.....
( )		

Logo Selangor / Logo PBT

SENARAI KESALAHAN DAN KADAR PENALTI / BAYARAN DENDA BAGI PELAKSANAAN OPERASI BAS SMART SELANGOR DI KAWASAN MAJLIS _____

Bil.	Jenis Kesalahan	Kiraan Kadar Pemotongan / Denda
1.	Tidak menyediakan bas elektrik seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak	Jumlah bas x Kadar sewa bas elektrik sehari
2.	Tidak menyediakan bas elektrik seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak tetapi digantikan dengan bas diesel	(Jumlah bas elektrik x Kadar sewa bas elektrik sehari) - (Jumlah bas diesel x Kadar sewa bas diesel sehari)
3.	Tidak menyediakan bas diesel seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak	Jumlah bas x Kadar sewa bas diesel sehari
4.	Jumlah trip sehari kurang daripada jumlah trip sehari seperti yang telah ditetapkan dalam kontrak	Jumlah trip kurang x Kadar sewa bagi 1 trip (Kadar sewa sehari dibahagi dengan jumlah trip sehari)
5.	Bas kotor	RM100.00 / hari / bas
6.	Penyaman udara bas tidak berfungsi	RM100.00 / hari / bas
7.	Pemandu bas tidak berdisiplin:- (a) Pemandu gagal mengikut jadual yang telah ditetapkan. (b) Pemandu tidak berpakaian lengkap. (c) Pemandu tidak memakai uniform. (d) Pemandu menggunakan telefon ketika memandu bas. (e) Pemandu merokok ketika memandu / di dalam bas. (f) Pemandu memandu laju melebihi 70 km/j (g) Pemandu bercakap kasar / biadap kepada penumpang. (h) Pemandu tidak berhenti mengambil / menurunkan penumpang tanpa di hentian. (i) Pemandu meninggalkan bas dengan penumpang tanpa pemberitahuan kepada penumpang. (j) Pemandu menghalang laluan apabila meletakkan bas. (k) Pemandu memandu secara berbahaya dan didapati bersalah. (l) Pemandu gagal mempamerkan pengenalan diri (id) di dalam bas. (m) Pemandu tidak membuat pengiraan penumpang (manual). (n) Pemandu didapati bersalah dan melanggar undang-undang jalan raya	RM100.00 / hari / bas
8.	Tidak memberi maklum balas aduan awam dalam tempoh 7 hari.	RM100.00 / hari / bas
9.	Wifi tidak berfungsi (KUOTA INTERNET)	RM100.00 / hari / bas
10.	Panel LCD tidak berfungsi	RM100.00 / hari / bas
11.	Peralatan keselamatan OKU / Ramp, kerusi roda OKU / Tempat Khas OKU tidak berfungsi / tidak boleg digunakan	RM100.00 / hari / bas

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td></td><td>
Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam

Perbezaan jumlah trip sebenar dengan jumlah trip dalam kontrak adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut yang mana telah menyebabkan tempoh masa perjalanan sesebuah trip lebih panjang daripada perancangan :

i. Kesesakan lalulintas (kemalangan, acara tertentu, penutupan jalan, penyelenggaraan)
ii. Waktu puncak
iii. Tempoh waktu rehat pemandu dan penggantian pemandu bas

Selain itu, pihak operator juga telah mengalami masalah kerosakan bas dan dimaklumkan bas ganti juga mengalami kerosakan menyebabkan bilangan bas tidak mencukupi sepertimana dalam kontrak. Bas-bas tersebut juga masih di dalam tempoh jaminan dan perlu mendapatkan alat ganti yang tulen daripada pembekal sah di luar negara kerana cawangan mereka di Malaysia telah ditutup.

Bermula pada tahun 2017, pihak Majlis telah membuat pemotongan/denda terhadap operator bagi kekurangan bas yang telah dikenalpasti. Jumlah potongan yang telah dibuat sehingga Disember 2018 adalah sebanyak RM275,900.

Tindakan pemotongan/denda tersebut telah dilaksanakan oleh Majlis seperti berikut:-

<table>
<tr><th>Tahun</th><th>Anggaran Kerugian PBT</th><th>Pemotongan/Denda Yang Telah Dikenakan</th></tr>
<tr><td>2015</td><td>RM 42,260</td><td>-</td></tr>
<tr><td>2016</td><td>RM 209,635</td><td>-</td></tr>
<tr><td>2017</td><td>RM 697,627</td><td>RM 18,600</td></tr>
<tr><td>2018</td><td>RM 186,814</td><td>RM 254,900</td></tr>
</table>

Pihak Majlis juga telah membuat penambahbaikan pada dokumen kontrak yang mana jumlah trip yang perlu dicapai untuk setiap laluan telah dinyatakan dengan jelas
</td></tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	dan pemotongan akan dibuat mengikut kegagalan memenuhi setiap trip tersebut. Selain itu kesalahan-kesalahan operator juga telah dikenakan denda sepertimana dalam dokumen kontrak terkini. Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Pihak Majlis telah mengemukakan surat berkaitan Jadual Perjalanan Bas melalui surat bernombor rujukan MPSJ/JPB/600-1/23/5-1 /Jld.6 (61) bertarikh 10 Februari 2020 kepada pihak pengurusan Rapid Bus Sdn. Bhd. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan Tel : 603 8026 3131 Faks : 603 5637 6585 Ruj. Kami : MPSJ/JPB/600-1/23/5-1/ Jld.6(61) Tarikh : 10 Februari 2020 Ketua Pegawai Eksekutif **Rapid Bus Sdn. Bhd.** B-20-1 Tingkat 20, Menara UOA No.5, Jalan Bangsar Utama 1 **59000 KUALA LUMPUR** Tuan, **PERMOHONAN MAKLUMAT BAGI MENAMBAHBAIK PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR DI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA.** Saya dengan segala hormatnya diarah merujuk kepada perkara seperti di atas dan teguran Jabatan Audit Negara Negeri Selangor adalah berkaitan. 2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak Majlis memohon pihak tuan untuk menyediakan perkara-perkara berikut; i. **Sistem Pengiraan Penumpang** Berdasarkan kepada perbincangan pada 28 Januari 2020 pihak tuan perlu maklumkan kepada pihak kami sistem yang akan digunakan bagi tujuan pengiraan penumpang dan tarikh pelaksanaan bagi semua bas dan laluan Bas Smart Selangor MPSJ. ii. **Laporan Bilangan Penumpang** Lanjutan daripada teguran Jabatan Audit Negara Negeri Selangor pihak tuan perlu menyediakan pelaporan bilangan penumpang bagi setiap bulan yang mengandungi maklumat bilangan penumpang bagi setiap trip, bas dan laluan setiap hari, minggu dan bulan perkhidmatan iii. **Jadual Perjalanan Bas** Pihak majlis memohon supaya pihak tuan memberikan jadual perjalanan Bas Smart Selangor yang terkini mengandungi bilangan trip dan masa perjalanan bas sehari untuk setiap bas untuk digunakan sebagai panduan kepada pihak Majlis untuk pemantauan dan pengguna. 3. Tujuan pihak Majlis memohon maklumat ini adalah untuk rekod simpanan pihak kami bagi penambahbaikan pengurusan Bas Smart Selangor lanjutan daripada maklumbalas Jabatan Audit Negara Negeri Selangor. 4. Mohon untuk semua urusan rasmi perkhidmatan Bas Smart Selangor seperti laporan ridership dan operasi di email ke email rasmi Jabatan Pengangkutan MBSJ beralamat di jpbpengangkutan.mbsj@gmail.com. 5 Bintang www.mpsj.gov.my Ruj. Kami : MPSJ/JPB/600-1/23/5-1/ Jld.6(61) 5. Kerjasama dan tindakan segera daripada pihak tuan didahului dengan ribuan terima kasih. Sekian, **"SELANGOR MAJU BERSAMA"** **"MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI"** Saya yang menjalankan amanah, **(TPr. HAZMAN BIN MOHD MAHAYUDIN)** b.p. Yang Dipertua hazman@mpsj.gov.my No. Tel : 03-8024 3247 Sjadi / Intan

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Pihak operator bas dikehendaki untuk mengemukakan Jadual Perjalanan Bas terkini yang mengandungi bilangan trip dan masa perjalanan bas sehari untuk setiap bas bagi tujuan pemantauan dan pengguna bas tersebut. Pihak operator bas telah menyediakan Jadual Perjalanan Bas seperti yang diminta dan penambahbaikan telah dibuat oleh pihak MPSJ dengan memasukkan jadual perancangan perjalanan bas dan bilangan trip. Contoh jadual bagi laluan SJ01 seperti di bawah :-

rapidbus

Rapid Bus Sdn Bhd (1025200-A)
RAPID KL OFFICE
Kompleks Rapidbus Cheras Selatan,
Lot 1499, Jalan KB 2/15 Balakong, 43300 Seri Kembangan, Selangor
Tel : 603-8946 2000 Fax : 603-8984 4669 Website : www.myrapid.com.my

rapidKL
rapidPenang
rapidKuantan
rapidKamunting
rapidManjung

JADUAL PELEPASAN BAS UNTUK ISNIN HINGGA AHAD TERMASUK CUTI UMUM

LALUAN SMART SELANGOR SJ01: BRT USJ 7 – LRT SUBANG JAYA – BRT USJ7

BIL	BAS1	BAS2	BAS3	BAS4
	BRT USJ 7	BRT USJ 7	BRT USJ 7	BRT USJ 7
1	6:00	6:15	6:30	6:45
2	7:00	7:15	7:30	7:45
3	8:00	8:20	8:40	9:00
4	9:20	9:40	10:00	10:20
5	10:40	11:00	11:20	11:40
6	12:00	12:20	12:40	13:00
7	13:20	13:40	14:00	14:20
8	14:40	15:00	15:20	15:40
9	16:00	16:20	16:40	17:00
10	17:20	17:40	18:00	18:20
11	18:40	19:00	19:20	19:40
12	20:00	20:20	20:40	21:00
13		21:20	21:40	22:00

JUMLAH TRIP SEHARI : 51 "Round Trip"

Disediakan Oleh	Disemak Oleh	Disahkan Oleh	Diluluskan Oleh
Amal Radzi Mohd Juraimi Associate Network Planning	Dino Dinomasradi Mohd Hashim Network Planning & Enforcement	Khairul Ashar Hamidullah Head of Operational Strategy (RapidBus)	Ku Jamil Zakaria Chief Operating Officer (RapidBus) 18/1/2018

prasarana Group | praise pride prime prism rapidbus rapidferry rapidrail

Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor

Bilangan penumpang bas Smart Selangor bagi Daerah Hulu Selangor adalah seperti jadual di bawah :

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan

	2016	2017	2018
Penumpang tahunan	HS01 : 90,608	HS01 : 192,117 HS02 : 3,194	HS01 : 207,205 HS02 : 42,301 HS03 : 986
Jumlah Kecil	**90,608 orang penumpang**	**195,311 orang penumpang**	**250,492 orang penumpang**
Trip	HS01 : 3,850	HS01 : 7,060 HS02 : 1,870	HS01 : 7,062 HS02 : 6,697 HS03 : 160
Jumlah Kecil	**3,850 trip**	**8,930 trip**	**13,919 trip**

Bilangan trip per laluan per hari adalah seperti jadual di bawah :

	Isnin-Jumaat	Sabtu, Ahad & Cuti Am
Laluan HS01	20 trip / hari	18 trip / hari
Laluan HS02	19 trip / hari	17 trip / hari
Laluan HS03	10 trip / hari	10 trip / hari

Pada tahun 2017, purata bilangan penumpang per trip adalah menurun disebabkan oleh pembukaan kepada laluan baru bas Smart Selangor Laluan HS02 : Batang Kali – Antara Gapi pada 20 September 2017 dengan 2 buah bas beroperasi bagi laluan tersebut.

Pertambahan trip sebanyak 19 trip (Isnin-Jumaat) dan 17 trip (Sabtu, Ahad & Cuti Am) sehari di Laluan HS02 telah menyumbang kepada penurunan penumpang per trip tersebut. Purata bulanan penumpang yang menaiki bas Smart Selangor adalah rendah bagi HS02 iaitu di antara 2,000 – 4,000 pengguna sebulan berbanding dengan HS01 di antara 16,000 – 18,000 orang pengguna sebulan. Ini telah menyebabkan bilangan penumpang per trip adalah rendah secara keseluruhannya. Pengemaskinian sehingga Disember 2018 penumpang per trip adalah seperti berikut :

2016	2017	2018
23 penumpang per trip	21 penumpang per trip	17 penumpang per trip

Secara spesifiknya, bilangan penumpang per trip berdasarkan laluan HS01, HS02 dan HS03 adalah seperti berikut :

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan

Laluan HS01

2016	2017	2018
23 penumpang per trip	27 penumpang per trip	29 penumpang per trip

Laluan HS02

2016	2017	2018
[redacted]	1 penumpang per trip	6 penumpang per trip

Laluan HS03

2016	2017	2018
[redacted]		6 penumpang per trip

Kesimpulanya, bilangan penumpang per trip adalah meningkat bagi setiap laluan bas Smart Selangor di dalam Daerah Hulu Selangor. Sebagai maklumat tambahan, operasi Laluan HS01 dan Laluan HS02 bermula dari 6.00 pagi sehingga 8.00 malam pada hari Isnin sehingga Jumaat. Manakala bermula 7.30 pagi pada hari Sabtu, Ahad dan Cuti Am.

Pihak MDHS juga telah membuat penambahbaikan ke atas dokumen perjanjian mengikut keadaan semasa operasi Bas Smart Selangor di tapak. Contoh maklumat jadual perjalanan bas yang dimasukkan dalam dokumen perjanjian adalah seperti berikut:

BERTARIKH PADA : 27 AUG 2019

DITERIMA
04 NOV 2019
JAB. PERANCANG BANDAR MDHS

DI ANTARA

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR

DAN

SKS COACHBUILDERS SDN. BHD.
(No. Syarikat : 422218-P)

PERJANJIAN PERKHIDMATAN 2 BUAH BAS SMART SELANGOR DI LALUAN HS01 : KUALA KUBU BHARU – RASA – BUKIT SENTOSA, DALAM DAERAH HULU SELANGOR

NO. SEBUTHARGA : MDHS TDP 1/ 2018

DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN PERUNDANGAN
MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
JALAN BUKIT KERAJAAN
44000 KUALA KUBU BHARU
SELANGOR DARUL EHSAN
Tel : 03-60641331
Faks : 03-60643991

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	6. OBLIGASI SYARIKAT Syarikat hendaklah memastikan pada bila-bila masa pun:- a) Sebuah buah bas yang berhawa dingin, dalam keadaan baik, beroperasi di sepanjang Laluan Perjalanan tersebut tertakluk kepada jadual perjalanan atau kekerapan yang ditetapkan oleh MDHS dari jam 6.00 pagi hingga jam 8.00 malam (bas terakhir) pada setiap hari Isnin hingga Ahad. Manakala dari jam 7.30 pagi hingga jam 8.00 malam pada hari Sabtu, Ahad dan Kelepasan Am.Sekiranya gagal, maka MDHS berhak untuk memotong bayaran bulanan yang patut diterima oleh Syarikat seperti yang dinyatakan di ***"Lampiran E"***. **Jadual Perjalanan (Isnin Hingga Jumaat)** **Masa Perjalanan : Dari Terminal Bas KKB & Terminal Bas Bukit Sentosa** 6.00 am, 7.30 am, 9.00 am, 10.30 am, 12.00 pm 2.00 pm, 3.30 pm, 5.00 pm, 6.30 pm, 8.00 pm **Jadual Perjalanan (Sabtu, Ahad Dan Kelepasan Am)** **Masa Perjalanan : Dari Terminal Bas KKB & Terminal Bas Bukit Sentosa** 7.30 am, 9.00 am, 10.30 am, 12.00 pm 2.00 pm, 3.30 pm, 5.00 pm, 6.30 pm, 8.00 pm b) tiada kenaan sebarang tambang atau caj terhadap penumpang yang menaiki bas Perkhidmatan tersebut; b) mempunyai Permit/Lesen Perubahan Sementara yang dikeluarkan oleh pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat ("APAD"); 6
6.2. Pengurusan Program Perkhidmatan Bas Smart Selangor **6.2.2. Perancangan Program** a. Berdasarkan Surat Pekeliling Am Bilangan 1 Tahun 2012, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dibentuk daripada objektif program/projek pembangunan dan perlu dipersetujui oleh pengurusan atasan sewaktu di peringkat perancangan. Ia digunakan untuk mengukur pencapaian sebenar output dan *outcome* berbanding sasaran. b. Bagi menetapkan KPI, rekod pencapaian terdahulu digunakan sebagai data asas. Sekiranya program/projek pembangunan pertama kali dilaksanakan, satu sasaran munasabah boleh digunakan dengan merujuk rekod-rekod yang menyamainya sama ada dari dalam atau luar negara. c. Selain itu, pelan tindakan yang terperinci membolehkan aktiviti pemantauan dilakukan secara rapi semasa dan selepas pelaksanaan program pembangunan. Pelan tindakan tersebut meliputi proses perolehan, kawalan	Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kemampuan Kerajaan Negeri untuk memenuhi perkhidmatan Bas Smart Selangor adalah berdasarkan Bajet Tahunan yang diperuntukkan. Walaupun sasaran KPI berdasarkan peningkatan jumlah penumpang di setiap laluan ditetapkan untuk menentukan penambahan bas mahupun memperkenalkan laluan baru, ianya masih tertakluk kepada peruntukan yang disediakan oleh Kerajaan Negeri mahupun peruntukan PBT sendiri. Tidak dinafikan bahawa peningkatan jumlah penumpang boleh dijadikan asas untuk menzahirkan sambutan dan keperluan rakyat terhadap sesuatu laluan atau perkhidmatan bas henti-henti yang seharusnya menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh itu, Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor akan menetapkan sasaran penumpang tahunan bermula tahun 2021 bagi melihat sambutan dan sokongan

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td>dalaman pelaksanaan dan strategi pemantauan.

d. Semakan Audit mendapati kerajaan negeri tidak menyediakan KPI dan sasaran di peringkat perancangan pada tahun 2015 sebagai panduan pelaksanaan program oleh pihak PBT. Kerajaan negeri telah menggunakan Pelan Induk Pengangkutan Awam Negeri Selangor (PIPANS) sebagai data asas bagi permulaan program. Bagaimanapun, sasaran tersebut bukan merujuk kepada perkhidmatan Bas Smart Selangor sahaja tetapi merangkumi semua jaringan pengangkutan awam. Seterusnya, pihak kerajaan negeri telah menyediakan Pelan Tindakan Inovasi 2018 dan Pelan Strategik 2018-2022 bagi menetapkan sasaran program Bas Smart Selangor.

e. Selain itu, penetapan syarat perjanjian adalah kurang realistik di mana penyediaan syarat perjanjian tidak berdasarkan kajian kemungkinan mengenai bilangan penumpang, trip dan golongan penumpang serta tiada klausa pemotongan.

f. Keadaan ini mengakibatkan pihak Audit tidak dapat membuat penilaian bagi mengukur pencapaian sebenar output dan outcome serta pencapaian matlamat akhir program.

Pada pendapat Audit, perancangan program Bas Smart Selangor mengenai bilangan penumpang, trip dan golongan penumpang tidak teratur menyebabkan penetapan syarat perjanjian kurang realistik. Selain itu, ketiadaan penyediaan KPI dan sasaran pada peringkat perancangan menyebabkan pencapaian program tidak dapat diukur. (Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-21 hingga 1-23)</td>
<td>perkhidmatan bas yang disediakan oleh Kerajaan Negeri ini untuk ditambahbaik.

Trend peningkatan jumlah penumpang Bas Smart Selangor dari 1 Julai 2015 hingga 30 Jun 2020 adalah seperti di bawah:-

<table>
<tr><th>TAHUN</th><th>PENUMPANG</th></tr>
<tr><td>2015</td><td>546,661</td></tr>
<tr><td>2016</td><td>4,162,019</td></tr>
<tr><td>2017</td><td>10,653,827</td></tr>
<tr><td>2018</td><td>14,434,719</td></tr>
<tr><td>2019</td><td>15,612,196</td></tr>
<tr><td>Jun 2020</td><td>4,313,294</td></tr>
</table>

Berdasarkan trend peningkatan di atas, cadangan sasaran penumpang adalah dalam lingkungan 3% hingga 5% sahaja sepertimana yang pernah disyorkan oleh Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) pada tahun 2016-2017.

Dari segi perancangan, dengan kemampuan kewangan yang terhad, Kerajaan Negeri telah memutuskan supaya PBT yang mempunyai rizab melebihi RM50 juta hendaklah membiayai 50% daripada kos bas percuma yang ditanggung Kerajaan Negeri bermula tahun 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sedang merangka satu sistem Tap To Ride bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor. Sistem ini dijangka dapat mengenalpasti penumpang dengan unjuran bilangan yang lebih tepat.

Berdasarkan Bengkel Penambahbaikan Perkhidmatan dan Pengurusan Bas Smart Selangor juga, Kerajaan dan PBT telah menyelaraskan format pelaporan termasuk notis peringatan dan terma-terma perjanjian dengan menambah klausa penalti / denda kepada operator yang gagal melaksanakan</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td></td><td>operasi Bas Smart Selangor dengan lebih baik. Rujuk ulasan 6.1.2.

Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam

Pada peringkat awal pelaksanaan perkhidmatan Bas Smart Selangor ini, MBSA merancang untuk meningkatkan bilangan laluan dan bilangan bas setiap tahun yang bertujuan untuk mempromosi dan memberi kemudahan bas percuma kepada pengguna. MBSA telah menambah laluan bas secara berperingkat setiap tahun seperti berikut :
<table>
<tr><td>Tahun</td><td>2015</td><td>2016</td><td>2017</td><td>2018</td></tr>
<tr><td>Laluan Baru</td><td>SA 01</td><td>SA 02 & SA 03</td><td>SA 04 & SA 05</td><td>SA 06</td></tr>
<tr><td>Bilangan Bas Tambahan</td><td>4</td><td>10</td><td>8</td><td>4</td></tr>
</table>
Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya

Pada peringkat awal perlaksanaan perkhidmatan Bas Smart Selangor ini, MPSJ merancang untuk meningkatkan bilangan laluan dan bilangan bas setiap tahun yang bertujuan untuk mempromosi dan memberi kemudahan bas percuma kepada pengguna. MPSJ telah menambah laluan bas secara berperingkat setiap tahun seperti berikut :
<table>
<tr><td>Tahun</td><td>2015</td><td>2016</td><td>2017</td><td>2019</td></tr>
<tr><td>Laluan Baru</td><td>SJ 01</td><td>SJ02 & SJ 03</td><td>SJ04A& SJ4B</td><td>SJ05</td></tr>
<tr><td>Bilangan Bas</td><td>4</td><td>8</td><td>4</td><td>4</td></tr>
</table>
Namun, perancangan bagi meningkatkan jumlah laluan/ bas juga tertakluk kepada kelulusan di peringkat Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Selangor dari segi pemilihan laluan, jumlah bas dan peruntukan.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td></td><td>Pihak MPSJ juga telah menambahbaik data Laporan Bilangan Penumpang yang telah dikemukan oleh Pihak Operator seperti contoh berikut :

<table>
<tr><th>Transaction Date</th><th>Transaction Hour</th><th>Route No</th><th>Bus No</th><th>Ticket Type</th><th>Ticket Name</th><th>Trip No</th><th>Ridership</th></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>6</td><td>SJ01</td><td>WB8354K</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>1</td><td>9</td></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>7</td><td>SJ01</td><td>WB854L</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>1</td><td>31</td></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>7</td><td>SJ01</td><td>WB8354K</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>2</td><td>50</td></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>8</td><td>SJ01</td><td>WB854L</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>1</td><td>13</td></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>8</td><td>SJ01</td><td>WB854L</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>2</td><td>5</td></tr>
<tr><td>7/1/2020</td><td>8</td><td>SJ01</td><td>WB962P</td><td>TT-24</td><td>MALAYSIAN</td><td>2</td><td>20</td></tr>
</table>

Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor

Pihak Majlis tidak menetapkan sebarang bentuk bilangan bagi mengukur sasaran bilangan pengguna bas Smart Selangor pada setiap tahun.

Ketetapan Majlis dalam mengukur perkhidmatan bas Smart Selangor di dalam kawasan Daerah Hulu Selangor lebih tertumpu kepada mewujudkan rangkaian hubungan perkhidmatan pengangkutan awam. Sebagai contoh, tiada perhubungan pengangkutan awam secara terus daripada Bukit Sentosa ke Kuala Kubu Bharu. Sekiranya menggunakan perkhidmatan bas Setara Jaya, pengguna dari Bukit Sentosa perlu menaiki bas ke Rawang dan seterusnya menunggu bas ke Tanjung Malim untuk ke Kuala Kubu Bharu. Maka perkhidmatan bas Smart Selangor HS01 diperkenalkan bagi menyelesaikan permasalahan tersebut</td></tr>
<tr><td>6.2.3. Penyediaan Infrastruktur Sokongan

i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) menetapkan Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan kemudahan awam kepada penduduk setempat dan antara kemudahan awam tersebut adalah bas awam serta infrastruktur sokongan seperti perhentian bas dan laluan pejalan kaki ke perhentian bas.

ii. Pemeriksaan Audit pada bulan Oktober hingga November 2018 di kawasan MBSA dan MDHS mendapati ada menyediakan tiang hentian bas yang dilengkapi dengan maklumat</td><td>Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri

Penyediaan peruntukan yang disediakan di bawah Jawatankuasa Tetap Pengangkutan Awam Negeri Selangor hanya melibatkan peruntukan untuk meneruskan perkhidmatan Bas Smart Selangor dan tiada peruntukan khas disediakan untuk penyediaan infrastruktur sokongan seperti perhentian bas dan laluan pejalan kaki. Penyediaan infrastruktur tersebut adalah di bawah peruntukan PBT sepenuhnya.</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr>
<td>laluan di lokasi yang ditetapkan. Namun begitu terdapat tiang hentian bas yang diletakkan di lokasi yang tidak sesuai menyebabkan ketidakselesaan kepada pengguna terutamanya ketika cuaca panas, hujan lebat serta kesukaran kepada pengguna Orang Kurang Upaya (OKU) dan warga emas.

iii. Selain itu, ketiadaan susur bas berhenti pada beberapa tiang hentian bas boleh mengganggu lalu lintas dan berbahaya kepada pengguna jalan raya yang lain. Contoh kedudukan tiang perhentian bas yang kurang sesuai, tiang tiada maklumat laluan, rosak atau tertanggal.

iv. Manakala pemeriksaan Audit di kawasan MPSJ mendapati terdapat kawasan hentian bas yang tidak menyediakan tiang Bas Smart Selangor. Perkara ini menyebabkan kesukaran kepada penumpang untuk mengetahui maklumat laluan yang disediakan oleh perkhidmatan Bas Smart Selangor.

Pada pendapat Audit, infrastruktur sokongan yang dibina bagi Program Bas Smart Selangor kurang memuaskan berikutan terdapat kelemahan dalam penyediaan infrastruktur sokongan. (Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-23 hingga 1-25)</td>
<td>PBT perlu menyediakan sekurang-kurangnya pole untuk bas berhenti bagi mengambil dan menurunkan penumpang di laluan Bas Smart Selangor. PBT boleh menaiktaraf pole kepada hentian sekiranya mempunyai ramai penumpang di lokasi tersebut.

Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam

Pihak Majlis telah mengambil tindakan penambahbaikan terhadap kemudahan pengangkutan awam untuk memberi sokongan bagi pengurusan Bas Smart Selangor.

Penambahbaikan ini telah dilaksanakan secara berperingkat seperti berikut:-
<table>
<tr><th rowspan="2">Tahun</th><th rowspan="2">Menaiktaraf Hentian</th><th colspan="2">Pembinaan Hentian</th></tr>
<tr><th>Pondok Bas</th><th>‘Bus Pole’</th></tr>
<tr><td>2018</td><td>25</td><td>10</td><td>0</td></tr>
<tr><td>2019</td><td>35</td><td>10</td><td>53</td></tr>
</table>

Bus Pole di Hentian Space U8, Seksyen U8 dan Hentian Flat PKNS Blok 79, Seksyen 24 telah dinaiktaraf kepada pondok bas pada tahun 2018 dan 2019.

Pihak Majlis juga telah menambahbaik kemudahan bus pole sediada dengan penyediaan tempat duduk untuk kemudahan pengguna. Pihak Majlis juga telah menaiktaraf 53 unit bus pole di laluan Bas Smart Selangor dan telah siap sepenuhnya pada April 2020.</td>
</tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	   Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Pihak MPSJ telah menambahbaik kawasan hentian bas yang tiada penyediaan tiang bas Smart Selangor dengan menyediakan logo Bas Smart Selangor di hentian tersebut. Penumpang boleh mengetahui maklumat laluan, hentian bas dan maklumat ketibaan bas menerusi aplikasi *Selangor Intelligent Transport Systems Application* (SITS) yang telah dibangunkan oleh pihak *Smart Selangor Delivery Unit* (SSDU).

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor Penyediaan tiang hentian bas disediakan adalah berdasarkan kepada lokasi tumpuan pengguna bas dan kawasan yang mempunyai rizab jalan besar. Penyediaan tiang Bas Smart Selangor pada masa ini adalah untuk memberi kemudahan kepada masyarakat untuk mengetahui maklumat perjalanan Bas Smart Selangor. Terdapat beberapa lokasi yang tidak sesuai untuk dijadikan sebagai perhentian bas berbumbung disebabkan keadaan bahu jalan yang sempit serta tiada jalan susur yang sesuai untuk bas berhenti. Sehubungan itu, hanya pemasangan tiang hentian sahaja yang dibina untuk rujukan pengguna bas. Penyediaan hentian bas berbumbung dibuat secara berkala tertakluk kepada peruntukan semasa Majlis dan penyaluran peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Contoh pemasangan Maklumat Perjalanan Bas Smart Selangor adalah seperti berikut :

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
6.2.5. Pemantauan Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas yang ditandatangani oleh PBT dan operator menghendaki PBT membuat pemantauan pada bila-bila masa untuk memastikan operasi perkhidmatan tersebut berjalan mengikut syarat-syarat dalam perjanjian. Pemantauan meliputi aspek kawalan dalaman seperti Laporan Dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang, pemantauan oleh PBT dan sistem aduan pengguna. **a. Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang** i. Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas antara PBT dan operator menyatakan operator hendaklah mengemukakan Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang pada setiap bulan. Selanjutnya, PBT akan membuat bayaran kepada operator pada setiap bulan tertakluk kepada penyerahan invois/tuntutan serta dokumen yang lengkap kepada PBT. ii. Operator hendaklah dengan seberapa segera mengemukakan butir-butir penuh mengenai semua tuntutan berserta apa-apa dokumen, huraian dan hitungan mengikut terma dan syarat kepada perjanjian pada setiap bulan. iii. Semakan Audit terhadap dokumen tuntutan bayaran mendapati operator ada menyediakan Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang serta dikemukakan kepada pihak MBSA dan MPSJ pada setiap bulan seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Bagaimanapun, laporan yang dikemukakan adalah berdasarkan bilangan penumpang secara keseluruhan trip sehari dan tidak dipecahkan bilangan penumpang mengikut setiap trip. iv. Pihak Audit mendapati sukar untuk mengesahkan ketepatan laporan tersebut kerana tanpa pecahan bilangan penumpang terperinci mengikut trip, adalah sukar untuk	Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kerajaan Negeri mempunyai aplikasi *Selangor Intelligent Transport System* (SITS) yang diperkenalkan oleh Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) untuk perkhidmatan Bas Smart Selangor. SITS membolehkan PBT untuk melihat pergerakan Bas Smart Selangor bagi tujuan pemantuan yang lebih baik terhadap operator. Walau bagaimanapun, sistem ini sedang ditambaihbaik oleh pihak SSDU dari segi integrasi maklumat GPS dengan operator yang terlibat. Selain itu, Kerajaan Negeri melalui SSDU sedang merangka satu sistem atau kaedah *Tap To Ride* bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor. Sistem ini dijangka dapat mengenalpasti bilangan penumpang dengan lebih tepat. Penggunaan sistem ini masih dalam kajian sama ada menggunakan Kad Pengenalan mahupun Touch N GO. Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam Pihak operator telah diwajibkan untuk mengemukakan laporan tambahan bilangan penumpang mengikut trip bersama dengan laporan bulanan kepada pihak Majlis setiap bulan. Pihak Majlis juga telah menjalankan pemantauan berkala dengan membuat semakan jadual pelepasan bas (Waybill) bagi memastikan kiraan penumpang diambil oleh pemandu bas pada setiap trip. Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Pihak Majlis telah membuat penambahbaikan bagi skop perkhidmatan tahun 2020 bagi skop perkhidmatan Bas Smart Selangor di MPSJ dengan mewajibkan pihak operator untuk mengemukakan laporan yang lebih sistematik berkaitan statistik kadar penggunaan penumpang kepada MPSJ mengikut bulanan

<table>
<tr><th>Rujukan Klausa Laporan</th><th>Ulasan</th></tr>
<tr><td>membuktikan sama ada trip yang dilaporkan benar-benar telah dibuat oleh operator.

Pada pendapat Audit, Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang yang disediakan sukar dipercayai disebabkan kaedah manual yang digunakan. (Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-26 dan 1-27)</td><td>dan harian bagi setiap trip dan laluan perkhidmatan.

Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor

Susulan daripada teguran Audit, pihak MDHS telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan Borang Pemantauan untuk rujukan dan direkodkan di dalam fail seperti berikut :-

Borang Jumlah Penumpang Bulanan
BAS SMART SELANGOR
Bulan : DEC Tahun 2019 No Bas WC 6555 X
<table>
<tr><th></th><th colspan="2">Dari</th><th colspan="2">Jumlah Penumpang</th><th></th><th></th></tr>
<tr><th>Tarikh</th><th>KKB</th><th>BS</th><th>Warga Malaysia</th><th>Bukan Warga Negara</th><th>Jumlah Penumpang</th><th>Catatan</th></tr>
<tr><td>1-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>228</td><td>0</td><td>228</td><td></td></tr>
<tr><td>2-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>281</td><td>0</td><td>281</td><td></td></tr>
<tr><td>3-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>284</td><td>0</td><td>284</td><td></td></tr>
<tr><td>4-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>250</td><td>0</td><td>250</td><td></td></tr>
<tr><td>5-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>332</td><td>0</td><td>332</td><td></td></tr>
<tr><td>6-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>250</td><td>0</td><td>250</td><td></td></tr>
<tr><td>7-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>139</td><td>0</td><td>139</td><td></td></tr>
<tr><td>8-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>187</td><td>0</td><td>187</td><td></td></tr>
<tr><td>9-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>250</td><td>0</td><td>250</td><td></td></tr>
<tr><td>10-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>270</td><td>0</td><td>270</td><td></td></tr>
<tr><td>11-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>174</td><td>0</td><td>174</td><td></td></tr>
<tr><td>12-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>273</td><td>0</td><td>273</td><td></td></tr>
<tr><td>13-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>251</td><td>0</td><td>251</td><td></td></tr>
<tr><td>14-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>188</td><td>0</td><td>188</td><td></td></tr>
<tr><td>15-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>150</td><td>0</td><td>150</td><td></td></tr>
<tr><td>16-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>257</td><td>0</td><td>257</td><td></td></tr>
<tr><td>17-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>240</td><td>0</td><td>240</td><td></td></tr>
<tr><td>18-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>229</td><td>0</td><td>229</td><td></td></tr>
<tr><td>19-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>240</td><td>0</td><td>240</td><td></td></tr>
<tr><td>20-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>304</td><td>0</td><td>304</td><td></td></tr>
<tr><td>21-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>207</td><td>0</td><td>207</td><td></td></tr>
<tr><td>22-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>181</td><td>0</td><td>181</td><td></td></tr>
<tr><td>23-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>244</td><td>0</td><td>244</td><td></td></tr>
<tr><td>24-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>245</td><td>0</td><td>245</td><td></td></tr>
<tr><td>25-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>190</td><td>0</td><td>190</td><td></td></tr>
<tr><td>26-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>229</td><td>0</td><td>229</td><td></td></tr>
<tr><td>27-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>237</td><td>0</td><td>237</td><td></td></tr>
<tr><td>28-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>189</td><td>0</td><td>189</td><td></td></tr>
<tr><td>29-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>141</td><td>0</td><td>141</td><td></td></tr>
<tr><td>30-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>280</td><td>0</td><td>280</td><td></td></tr>
<tr><td>31-Dec-2019</td><td></td><td></td><td>262</td><td>0</td><td>262</td><td></td></tr>
<tr><td colspan="3">Jumlah Penumpang</td><td>7182</td><td>0</td><td>7182</td><td></td></tr>
</table>
Disediakan Oleh
NUR IZZATI BINTI ANUAR
Eksekutif Korporat Servis
Chop
Disahkan Oleh
Muhamad Zaidi Bin Toha
Pengarah</td></tr>
<tr><td>b. Sistem Pengiraan Penumpang

i. Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas yang telah ditandatangani oleh PBT dan operator menghendaki Sistem Pengiraan Penumpang dipasang pada setiap bas bagi mengira secara tepat jumlah penumpang yang menaiki bas.

ii. Pemeriksaan Audit pada bulan Oktober dan November 2018 terhadap bas yang beroperasi mendapati hanya 15 buah bas yang telah dipasang dengan Sistem Pengiraan Penumpang berbanding keseluruhan 42 buah bas.</td><td>Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri

Kerajaan Negeri melalui Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) sedang merangka satu sistem atau kaedah Tap To Ride bagi perkhidmatan Bas Smart Selangor yang dijangka dapat mengenalpasti sasaran penumpang dan bilangan dengan lebih tepat.

Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam

Perjanjian Perkhidmatan Sewaan bas yang telah ditandatangani telah menyatakan Sistem Pengiraan Penumpang yang perlu disediakan</td></tr>
</table>

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
iii. Bagaimanapun, MBSA dan MPSJ tidak mengenakan pemotongan bayaran kepada operator terhadap baki bilangan bas yang tidak dipasang dengan sistem tersebut. Pihak Audit juga mendapati tiada klausa dalam perjanjian untuk mengenakan pemotongan terhadap operator sekiranya sistem pengiraan penumpang tidak dipasang. iv. Selain itu, pemeriksaan dan temu bual Audit bersama pemandu bas yang dijalankan pada bulan Ogos dan September 2018 di kawasan MBSA dan MPSJ mendapati jumlah penumpang dikira secara manual dan terdapat pemandu yang tidak mengambil kiraan bilangan penumpang. Bagaimanapun, Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang yang perlu dilaporkan kepada PBT tetap dihantar oleh operator bas walaupun terdapat bas yang tidak dipasang dengan sistem pengiraan penumpang. Ini menunjukkan pengiraan penumpang telah dikira secara manual dan ketetapan bilangan penumpang diragui. Pada pendapat Audit, penggunaan Sistem Pengiraan Penumpang yang tidak menyeluruh sebagaimana dalam perjanjian menyebabkan Laporan dan Statistik Kadar Penggunaan Penumpang diragui ketepatannya. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-28 dan 1-29)**	dan dilaksanakan oleh operator bas dan tidak menyatakan secara khusus berkenaan sistem yang perlu digunakan samada secara manual atau pun secara automatik. Pemasangan sistem pengiraan penumpang secara automatik memerlukan tambahan kos yang tinggi kepada Majlis. Oleh yang demikian pihak Majlis masih mengekalkan sistem pengiraan penumpang secara manual oleh pemandu bas. Pengiraan penumpang secara manual tersebut dipantau secara berkala oleh pihak Majlis bagi memastikan data penumpang direkodkan dengan betul. Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Pihak Majlis telah mewajibkan penggunaan Sistem Pengiraan Penumpang yang lebih tepat kepada pihak pengurusan Rapid Bus Sdn. Bhd. Tindakan ini adalah selaras dengan keputusan Minit Mesyuarat Penambahbaikan Kenaan Syarat Bagi Perkhidmatan Bas Smart Selangor Di Kawasan MPSJ pada 28 Januari 2020 yang mewajibkan penggunaan tiket bagi perkhidmatan bas. Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor Kesemua bas Smart Selangor yang beroperasi di dalam Daerah Hulu Selangor dilengkapi dengan sistem kiraan penumpang secara manual yang mengasingkan penumpang warganegara dan bukan warganegara seperti berikut :-

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
c. Pemantauan Terhadap Operator Bas dan Infrastruktur Sokongan i. Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas yang ditandatangani oleh PBT dengan operator menghendaki PBT membuat pemantauan pada bila-bila masa untuk memastikan operasi perkhidmatan berjalan mengikut syarat-syarat dalam perjanjian dan mencapai objektif program serta memberikan manfaat kepada pengguna. ii. Semakan Audit terhadap hasil penemuan pemantauan pada tahun 2017 dan 2018 yang dilaporkan dalam Mesyuarat Penyelarasan Perkhidmatan Bas Smart Selangor mendapati MBSA ada menjalankan pemantauan terhadap operator bas dan infrastruktur sokongan. Manakala tiada pemantauan dijalankan oleh MPSJ dan MDHS berikutan tiada laporan pemantauan direkodkan. iii. Berdasarkan Carta Organisasi Bahagian Pengangkutan Bandar MBSA dan Jabatan Perancang Bandar (MPSJ dan MDHS), pelaksanaan pemantauan ini tidak dapat dilaksanakan secara berkala kerana kekurangan kakitangan dalam mengurus dan memantau perkhidmatan Bas Smart Selangor. iv. Kelemahan dalam pemantauan boleh memberi ruang kepada operator untuk memanipulasi data bilangan trip dan penumpang, bilangan bas yang beroperasi dan infrastruktur sokongan perkhidmatan Bas Smart Selangor. Pada pendapat Audit, pemantauan yang dijalankan oleh PBT adalah kurang berkesan berikutan terdapat kelemahan dalam penyediaan dokumen pemantauan. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-29 dan 1-18)**	Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Kerajaan Negeri mempunyai Sistem *Selangor Intelligent Transport Sistem* (SITS) yang diperkenalkan oleh SSDU untuk melihat pergerakan Bas Smart Selangor bagi tujuan pemantuan yang lebih baik kepada PBT terhadap operator. Walau bagaimanapun, sistem ini sedang ditambahbaik dari segi integrasi maklumat GPS dengan operator yang terlibat. Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam Pihak Majlis telah membuat penambahbaikan pada dokumen kontrak yang mana jumlah trip yang perlu dicapai untuk setiap laluan telah dinyatakan dengan jelas dan pemotongan akan dibuat mengikut kegagalan memenuhi setiap trip tersebut. Selain itu kesalahan-kesalahan operator juga telah dikenakan denda sepertimana dalam dokumen kontrak terkini. Pihak Majlis telah menyediakan borang pemantauan berkala yang dilaksanakan berdasarkan format baru yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Negeri. Hasil pemantauan tersebut pihak Majlis telah mengeluarkan Notis Pembetulan (NTC) kepada pihak operator bagi proses penambahbaikan. Pemotongan bayaran akan dibuat apabila operator tidak mematuhi Notis Pembetulan (NTC) tersebut. Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Pemantauan terhadap operator bas telah dilaksanakan di peringkat MPSJ melalui kaedah pemantauan sistem aduan (I-Responz), pemantauan aplikasi *Selangor Intelligent Transport Systems Application* (SITS) dan pemantauan berkala secara rawak di lapangan.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	 Pihak majlis juga telah menyediakan borang pemantauan perkhidmatan Bas Smart Selangor MPSJ bagi meningkatkan keberkesanan pemantauan di lapangan.  MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA Persiaran Perpaduan, USJ 5, 47610 Subang Jaya, Selangor Darul Ehsan BORANG PEMANTAUAN PERKHIDMATAN BAS SMART SELANGOR MELALUI SISTEM SITS GEOXSPOT MASA / TUGASAN / TINDAKAN / CATATAN 08.00am Semakan bil. bas di laluan 09.00am Semakan bas berlepas daripada Hub Semakan perjalanan bas Bagi 3 buah bas yang lain 10.00am Semakan bas berlepas daripada Hub

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
	Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor Pihak MDHS sebelum ini membuat pemantauan secara mengejut dan melalui aduan yang diterima. Sehubungan itu, tiada borang khusus bagi pemantauan Bas Smart Selangor. Susulan daripada teguran Audit, pihak MDHS telah membuat penambahbaikan dengan menyediakan Borang Pemantauan untuk rujukan dan direkodkan di dalam fail.

BORANG PEMANTAUAN BAS SMART SELANGOR

Tarikh : 2/1/2020
Masa : 1.40 pm

Kod Laluan : HS01 / HS02 / HS03
Nombor Bas : BPL 7674

SENARAI SEMAK	ADA	TIADA	CATATAN
Kemudahan Dalam Bas :			
i. Panel LED	✓		
ii. Wifi			→ wifi karak.
iii. Kemudahan OKU	✓		
iv. Sistem Maklumat Penumpang	✓		
v. Kamera Litar Tertutup	✓		
Pemandu [Klausa 5(i) DOkumen Perjanjian]			- pemandu gantian - tidak berkasut.
i. Seragam Pemandu		✓	
Kerosakan Bas			

Ulasan :
Syor pemotongan bagi kerosakan wifi & tiada seragam pemandu.

Pemandu bertugas :
Nama : ALI SYAHRANA B. MOHD YUSUF

Pegawai Pemantau :
Nama : MOHD IDRUS BIN MAHMUD JAMILI
Jawatan : Pen. Peg. Perancang Bandar dan Desa
Jabatan Perancang Bandar
Majlis Daerah Hulu Selangor

Disahkan oleh :
Nama : Azlina Binti Mohtar
Jawatan : Pengarah
Jabatan Perancang Bandar
Majlis Daerah Hulu Selangor

Keadaan Bas Pada 2 Januari 2020

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
d. Sistem Aduan Pengguna i. Perjanjian Perkhidmatan Sewaan Bas yang ditandatangani oleh PBT dan operator menghendaki PBT menyampaikan setiap aduan yang diterima oleh penumpang dan daripada mana-mana pihak yang berkaitan kepada operator untuk menjaga dan menambah baik mutu perkhidmatan tersebut. Pihak operator perlu mengambil tindakan dengan segera dan mengemukakan laporan kepada MBSA, MPSJ dan MDHS bagi setiap aduan yang diterima. ii. Semakan Audit terhadap fail aduan MBSA dan MDHS mendapati tiada aduan diterima pada tahun 2015 dan 2016. Bagaimanapun pada tahun 2017 jumlah aduan yang diterima di MBSA adalah sebanyak 20 aduan. Pada tahun 2018, jumlah aduan yang diterima di MBSA dan MDHS masing-masing adalah sebanyak 27 dan enam (6) aduan. Berdasarkan temu bual bersama Penolong Pengarah J41 di MPSJ, mendapati aduan berkaitan Bas Smart Selangor ada diterima melalui Sistem Pengurusan Aduan MPSJ. Bagaimanapun aduan tersebut tidak didokumentasikan dari tahun 2015 hingga 2018. iii. Peningkatan aduan yang diterima paling tinggi adalah berkenaan masa perjalanan bas dan infrastruktur. iv. Sebanyak 200 soal selidik diedarkan kepada pengguna perkhidmatan Bas Smart Selangor di kawasan MBSA, MPSJ dan MDHS. Bagaimanapun, hanya 155 responden yang telah menjawab soal selidik dengan lengkap. v. Berdasarkan analisis soal selidik tersebut, masalah utama yang dihadapi oleh pengguna Bas Smart Selangor adalah 45.2% pengguna mengambil masa menunggu yang lama, 41.3% disebabkan kesesakan lalu lintas dan 16.1% iaitu tiada maklumat laluan yang jelas. Ini menunjukkan sistem pengurusan aduan yang	Ulasan Unit Perancang Ekonomi Negeri Sistem / aplikasi *SITS* yang diperkenalkan oleh SSDU turut menerima aduan berkaitan Bas Smart Selangor dan dikemukakan kepada PBT untuk maklum balas. Bagi aduan secara terus atau melalui *hotline* yang disediakan PBT, Kerajaan Negeri telah meminta PBT untuk merekodkan aduan yang diterima. Ulasan Majlis Bandaraya Shah Alam Pengurusan aduan di Majlis adalah menggunakan sistem e-aduan yang boleh didapati di laman Web MBSA dan Aplikasi i-Adu yang boleh di muat turun. Setiap aduan akan diurus dan dipantau oleh Bahagian Korporat dan Pengaduan Awam MBSA. Semua aduan Bas Smart Selangor telah diberi maklumbalas di dalam sistem aduan tersebut. Pihak Majlis juga telah menyediakan fail yang khusus bagi merekodkan aduan yang diterima dan maklumbalas bagi setiap aduan tersebut. Ulasan Majlis Perbandaran Subang Jaya Berikut merupakan Statistik Bilangan Aduan Bas Smart Selangor Mengikut Kategori Bagi Tahun 2015 Hingga 2020: STATISTIK BILANGAN ADUAN BAS SMART SELANGOR MENGIKUT KATEGORI BAGI TAHUN 2015 HINGGA 2020

PERKARA ADUAN	BILANGAN ADUAN					
	2015	2016	2017	2018	2019	2020
LALUAN BAS	2	4	5	4	2	-
INFRASTRUKTUR	1	-	-	5	-	-
SIKAP PEMANDU	-	4	2	15	3	-
KELEWATAN BAS	-	-	2	4	2	-
INFORMASI	-	-	-	-	-	1
KUANTITI BAS	-	-	-	1	-	-
JUMLAH	**3**	**8**	**9**	**29**	**7**	**1**

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
lemah oleh pihak PBT bagi menangani masalah yang dihadapi oleh pengguna. Pada pendapat Audit, pengurusan sistem aduan pengguna kurang memuaskan berikutan pihak PBT tidak membuat hebahan medium saluran aduan kepada pengguna dan penyelenggaraan rekod aduan yang tidak teratur. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 1-30 hingga 1-32**)	Pihak Majlis menggunapakai sistem I-Responz MPSJ bagi semua jenis aduan termasuk Bas Smart Selangor. Contoh berikut adalah butiran aduan lengkap berkaitan perkhidmatan bas yang didaftarkan dalam sistem I-Responz. **BUTIRAN ADUAN LENGKAP** **No Aduan:** **0677/11/2019-1** **Tarikh Penerimaan:** **11-11-19 10:00:15 AM** **Penerima:** **noraina.salim2** » Jab Korporat & Pengurusan Strategik **Saluran Penerimaan:** TELEFON **Bentuk Masalah** **ADUAN** Nama Pengadu: liu Alamat Pengadu: - Keturunan: Cina Jantina: Lelaki Alamat E-mel: - tidak dinyatakan - Mobile: 0193123573 No. Telefon: - tidak dinyatakan - No. Faks: - tidak dinyatakan - Kategori Pengadu: Individu Taraf Aduan: BIASA Jenis Masalah: **ADUAN** » PELBAGAI Kawasan Majlis: SERI KEMBANGAN Lokasi Masalah: laluan putra permai ke bukit serdang Huraian Masalah: SJ05 TIDAK MENGIKUT JADUAL BAS, BAS LAMBAT. Senarai Pemberitahuan Bil. Tarikh Tajuk Bentuk 1. 11-Nov-2019 ADUAN YANG DITERIMA Notifikasi 2. 11-Nov-2019 ADUAN YANG DITERIMA Notifikasi Senarai Pelaksana Semasa & Pergerakan Edaran Bil. Nama Pelaksana Hayat (hari) Keutamaan [STATUS] 1. Jab. Perancang Bandar 3 BIASA [DITUTUP] **Pergerakan Aduan** 1. [bila]: 11-11-19 @ 10:00:15 AM [oleh]: noraina.salim2 **(KOR)** [Pengedaran ADUAN ke Jab Korporat & Pengurusan Strategik] 2. [bila]: 12-11-19 @ 10:31:48 AM [oleh]: noraina.salim2 **(KOR)** [Pemindahan edaran ke Jab. Perancang Bandar] Ulasan Tindakbalas 1. [bila]: 11-11-19 @ 10:00:15 AM [oleh]: noraina.salim2 **(KOR)** [Penerimaan ADUAN baru] 2. [bila]: 14-11-19 @ 09:02:39 AM [oleh]: nor.safikha2 **(JPB)** Ulasan Majlis Daerah Hulu Selangor Pihak MDHS sentiasa menyiasat aduan yang diterima berkenaan Bas Smart Selangor sama ada ianya melibatkan infrastruktur bas ataupun sikap pemandu. Setiap aduan yang berkaitan akan diajukan kepada operator untuk tindakan selanjutnya. Berikut merupakan contoh tindakan yang dibuat oleh operator terhadap aduan yang diterima.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan

26

SKSBUS

DITERIMA
02 AUG 2018
JAB. PERANCANG BANDAR MDHS

No. Kaj : SKS/MDHS/08/(02)18
Tarikh : 02hb Ogos 2018

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR
Jalan Bukit Kerajaan,
44000 Kuala Kubu Bharu,

Kepada : EN. AWALUDDIN BIN ZAKARIA *A.M.S*
Setiausaha

PER : MAKLUMBALAS ADUAN PEMANDU BAS SMART SELANGOR BAGI LALUAN HS01: KUALA KUBU BHARU – RASA – BUKIT SENTOSA

Adalah saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Berkenaan dengan aduan tuan bernombor rujukan : **Bil.(20)dlm.MDHS.622/2268 Jld** menyatakan bahawa pada 24 Julai 2018 jam 02:30 petang di Taman Keruing, Rasa berkenaan dengan kecuian pemandu menurunkan penumpang di perhentian bas.

3. Sehubungan dengan itu, pihak syarikat telah mengambil beberapa tindakan kepada pemandu bas tersebut. Berikut adalah kronologi dan beberapa tindakan yang diambil oleh pihak syarikat setelah menerima aduan daripada pihak tuan adalah seperti berikut;

NO	TARIKH	BUTIRAN	CATATAN
1	26/07/2018	**Tindakan Pertama;** - Pihak syarikat membuat pertemuan bersama pemandu untuk mendapatkan keterangan bersama dengan wakil daripada pihak MDHS **Tindakan Kedua;** - Pihak syarikat menggeluarkan satu surat permohonan tunjuk sebab kepada pemandu	Yang menghadiri perbincangan: 1. En. Idrus (MDHS) 2. Sofian (SKS) 3. Mohd Ludin (Pemandu) Memohon pemandu memberi penjelasan secara bertulis dalam tempoh empat (4) hari (dilampirkan)
2	30/07/2018	Pemandu telah memberi maklumbalas pada pihak syarikat secara bertulis.	Pemandu mengakui kesilapan beliau semasa mengendalikan bas (dilampirkan)
3	01/08/2018	**Tindakan Ketiga;** - Pihak syarikat mengeluarkan surat amaran pertama kepada pemandu	Dilampirkan

4. Tindakan – tindakan yang dilakukan oleh pihak syarikat adalah dengan mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Akta Kerja 1955. Pihak syarikat akan mengambil tindakan selanjutnya terhadap pemandu jika masalah ini berulang.

sks coachbuilders sdn. bhd. (422218-P)
Lot 9238, Jalan Puchong Kajang, Batu 20, Kg. Pulau Meranti,
47100 Puchong, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.
Tel : (603) 8061 8122 / 8062 6799
Fax: (603) 8062 2855 / Purchasing (6019-666 9238)
email: mail@sksbus.com.my website: www.sksbus.com.my

ULASAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

SIRI 2 : PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

MAJLIS SUKAN NEGERI SELANGOR

2. Program Pembangunan Sukan

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
6.0 Penemuan Audit **6.1. Prestasi Program Pembangunan Sukan** **6.1.2. Pencapaian *Outcome*** a. Antara objektif utama Bahagian Pembangunan Sukan MSNS adalah melahirkan lebih ramai atlet berprestasi tinggi bertaraf antarabangsa. Kejohanan SUKMA adalah antara platform dalam melahirkan atlet negara. MSNS menyasarkan atlet Selangor menjadi atlet pelapis dan kebangsaan yang berpotensi, berkualiti dan cemerlang bagi menjulang nama Malaysia dan Selangor di peringkat antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor melalui Pelan Strategik Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (PSUKNS) 2018 hingga 2022 menyasarkan 200 atlet setahun untuk mewakili negara di bawah Program Sukan Prestasi Tinggi. b. Semakan Audit mendapati sebanyak 123 (15.5%) daripada 791 atlet Selangor telah berjaya dipilih menjadi atlet MSN pada tahun 2016. Bilangan penglibatan atlet Selangor terpilih sebagai atlet MSN meningkat sedikit kepada 126 orang berbanding 861 orang pada tahun 2017, namun menurun dari segi peratusan kepada 14.6%. Peratusan ini terus menurun pada tahun 2018 kepada 12.5%. Perkara ini berlaku disebabkan pemilihan atlet oleh MSN adalah berdasarkan prestasi semasa dan jenis sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan antarabangsa pada tahun tersebut. c. Analisis Audit terhadap penyertaan atlet Selangor dalam kejohanan antarabangsa iaitu Sukan SEA tahun 2017 mendapati daripada 845 atlet kontinjen negara, seramai 139 (16.4%)	Penurunan kadar peratusan atlet Selangor yang dipilih ke program kebangsaan Majlis Sukan Negara (MSN) menurun dari 2016 hingga 2019 kerana keputusan untuk menyertai acara sukan yang dipertandingkan di peringkat antarabangsa ini adalah keputusan di pihak Majlis Sukan Negara dengan mengambil kira jenis sukan yang dipertandingkan oleh tuan rumah, status pencapaian prestasi atlet, kos dan aspek lain yang mana faktor-faktor ini adalah diluar bidang kuasa pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS).

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
merupakan atlet Selangor. Pada tahun 2018 pula, penyertaan atlet Selangor adalah seramai 26 (14.6%) berbanding 178 atlet kontinjen negara ke Sukan Komanwel Gold Coast Australia. Penyertaan dalam Sukan Asia Jakarta pada tahun 2018 pula melibatkan seramai 83 (19.9%) atlet Selangor berbanding 417 atlet kontinjen negara. Pada tahun 2016, hanya seorang (3.1%) atlet Selangor berjaya mewakili negara dalam Sukan Olimpik Rio De Janeiro Brazil bagi acara renang. Analisis ini menunjukkan atlet daripada Negeri Selangor telah terpilih mewakili negara bagi setiap kejohanan antarabangsa dengan peratusannya antara 3.1% hingga 19.9%. Peratus penyertaan yang terbanyak bagi atlet Selangor adalah dalam kejohanan Sukan Asia Jakarta. d. Berdasarkan Laporan Pencapaian Atlet Selangor, pihak Audit mendapati atlet Selangor juga berjaya mewakili negara ke kejohanan antarabangsa antaranya sukan BWF Thomas and Uber Cup Final, Asia Badminton Junior Championship, World Junior and Cadet Karate Championship, Asian Cycling Championship dan World University Games. e. Pencapaian *outcome* terhadap sasaran Pelan Strategik PSUKNS 2018 - 2022 untuk melahirkan 200 atlet setahun mewakili negara belum boleh diukur secara menyeluruh. Bagaimanapun, berdasarkan Laporan Bilangan Atlet Majlis Sukan Negara pada tahun 2018, pencapaian sebenar yang berjaya mewakili negara hanya 109 atlet (54.5%) iaitu 26 atlet ke Sukan Komanwel dan 83 atlet ke Sukan Asia. Pada pendapat Audit, program pembangunan sukan yang dilaksanakan oleh MSNS adalah berkesan dalam melahirkan atlet berprestasi tinggi bagi mewakili negara di peringkat antarabangsa. Bagaimanapun, peratusan atlet Selangor yang terpilih sebagai atlet MSN menurun bagi tahun 2016 hingga 2019. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-16 hingga 2-18)**	

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
Pengurusan Program Pembangunan Sukan **6.2.2. Pengurusan Atlet** a. Elaun latihan atlet hendaklah dibayar mengikut jadual kadar dan jumlah jam latihan seperti ditetapkan dalam Garis Panduan Program Persediaan SUKMA XIX, Perak 2018 yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengurus MSNS. Merujuk Arahan Perbendaharaan 103(a) pula, Ketua Jabatan hendaklah memastikan bil dibayar dengan segera tidak lewat 14 hari daripada tarikh bil diterima dengan lengkap dan sempurna oleh Unit Kewangan. Berdasarkan Deskripsi Tugas Jurulatih, pelan latihan harian, mingguan dan bulanan perlu disediakan dan dikemukakan bersama borang permohonan tuntutan kepada Unit Kewangan. b. Semakan Audit mendapati elaun latihan atlet telah dibayar mengikut jadual kadar yang ditetapkan. Bagaimanapun pihak Audit mendapati elaun latihan atlet bagi 13 jenis sukan yang melibatkan 229 atlet lewat dibayar antara 15 hingga 211 hari dari tarikh bil diterima. Elaun latihan tersebut melibatkan 261 baucar bayaran bernilai RM364,640. c. Punca berlakunya kelewatan pembayaran elaun adalah disebabkan laporan latihan atlet yang dikemukakan oleh persatuan sukan negeri tidak lengkap. Tempoh memproses tuntutan elaun latihan atlet di Bahagian Pembangunan Sukan mengambil masa antara 10 hingga 169 hari daripada tarikh tuntutan diterima sebelum dikemukakan kepada Unit Kewangan untuk tujuan pembayaran. MSNS juga didapati tidak mengeluarkan arahan bertulis kepada persatuan dan jurulatih mengenai tempoh penghantaran tuntutan. Selain itu, prosedur kerja berkaitan penyelarasan dan pelaksanaan pembayaran elaun atlet berserta senarai dokumen yang perlu dikemukakan untuk tujuan pembayaran tidak disediakan. Pada pendapat Audit, pengurusan atlet dalam aspek pembayaran elaun latihan tidak cekap	Kelewatan pembayaran elaun ini adalah disebabkan tuntutan yang dikemukakan dihantar lewat oleh pihak pasukan atau persatuan. Terdapat juga tuntutan yang telah dihantar ke Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) namun ianya tidak lengkap apabila disemak. Pihak persatuan mengambil masa untuk melengkapkan maklumat yang diperlukan. Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah mengambil inisiatif untuk memaklumkan dan mengingatkan jurulatih atau persatuan untuk menghantar tuntutan mengikut tempoh yang telah ditetapkan dengan kaedah komunikasi yang dipraktikkan oleh kakitangan yang terlibat menggunakan kaedah pemakluman secara 'verbal' kepada jurulatih/pasukan melalui perbualan telefon atau aplikasi whatsapp. Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah membuat penambahbaikan untuk mengatasi permasalahan ini iaitu dengan mencadangkan carta aliran kerja dan senarai semak yang lebih cepat dan efektif. Selain itu, Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) akan mengeluarkan surat peringatan kepada pasukan selepas setiap 10 haribulan pada bulan tersebut sekiranya masih tidak membuat tuntutan bayaran elaun pasukan seperti yang disarankan oleh pihak audit.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
kerana berlaku kelewatan pembayaran elaun kepada atlet. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-19 hingga 2-21)** **6.2.3. Pengurusan Kemudahan dan Peralatan Sukan** Kemudahan dan peralatan sukan yang disediakan dapat membantu meningkatkan pencapaian dan kemajuan atlet dalam pungutan pingat semasa kejohanan. Berdasarkan rekod MSNS, sebanyak 39 pusat latihan telah disediakan kepada pasukan dan atlet negeri untuk menjalani latihan mengikut jenis sukan. Sebanyak lapan (8) atau 20.5% pusat latihan merupakan hak milik kerajaan negeri, 10 atau 25.6% hak milik agensi kerajaan, sembilan (9) atau 23.1% hak milik sekolah/Institut Pengajian Tinggi Awam manakala 12 atau 30.8% lagi merupakan hak milik syarikat swasta. MSNS bertanggungjawab menguruskan satu (1) pusat latihan milik kerajaan negeri iaitu Akademi Bola Sepak Merah Kuning manakala baki tujuh (7) pusat latihan diuruskan oleh syarikat kerajaan negeri iaitu Darul Ehsan Facilities Management Sdn. Bhd. (DEFM). Hanya tiga (3) daripada 39 pusat latihan tersebut mempunyai kemudahan asrama iaitu Akademi Bola Sepak Merah Kuning di Puncak Alam, Pusat Latihan Angkat Berat Hulu Langat dan Pusat Latihan Sukan Layar Batu Laut. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut: **a. Pusat Latihan Sukan** Pusat latihan sukan yang lengkap dan sempurna adalah penting bagi memastikan setiap atlet dapat menjalani latihan dengan selesa, terancang dan sempurna. Semakan Audit terhadap pengurusan kemudahan dan peralatan sukan mendapati perkara seperti berikut. **i. Pusat Latihan Bola Keranjang** Mengikut piawaian FIBA *Guide to Basketball Facilities 2009, Chapter 3 Floor Types and Game Equipment* menetapkan lantai yang digunakan hendaklah mempunyai keanjalan atau elastik seperti kayu, getah dan *polyvinyl chloride* (PVC). Lantai yang terlalu keras boleh menyebabkan kecederaan kepada *ligament* pada lutut dan buku	Persatuan Bola Keranjang Selangor telah menetapkan pusat latihan mereka iaitu di Cheras bagi pasukan lelaki manakala satu pusat latihan lagi di SMK Jenjarom, Kuala Langat bagi pasukan wanita. Pemilihan dan penetapan pusat latihan di Batu

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
lali. Pemeriksaan Audit pada 15 Januari 2019 di pusat latihan bola keranjang di Batu 11 Cheras mendapati pemilihan pusat latihan bola keranjang lelaki oleh Persatuan Bola Keranjang Selangor adalah tidak sesuai. Hal ini kerana lantainya diperbuat daripada simen yang tidak bersifat elastik seperti yang ditetapkan dalam piawaian. Pusat latihan tersebut adalah di bawah seliaan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung Batu 11, Cheras. Keadaan ini berbeza dengan pusat latihan bola keranjang wanita di Sekolah Menengah Kebangsaan Jenjarom, Banting yang dilawati oleh pihak Audit pada 16 Januari 2019 yang mana lantai gelanggang diperbuat daripada getah yang bersifat elastik dan menepati piawaian yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Laporan Kecederaan Penolong Pegawai Perubatan/Fisio MSNS mendapati lima (5) atlet bola keranjang lelaki telah mengalami kecederaan lutut dan buku lali pada tahun 2018. Ini disebabkan lantai di pusat latihan bola keranjang lelaki yang diperbuat daripada simen. Lantai simen yang tidak bersifat elastik boleh mendatangkan kecederaan kepada atlet semasa menjalani latihan. Maklum Balas MSNS yang diterima pada 1 April 2019. Pemilihan Pusat Rekreasi Batu 11 Cheras sebagai pusat latihan bola keranjang lelaki oleh Persatuan Bola Keranjang Selangor adalah kerana pusat ini dapat digunakan secara percuma. Pemilihan pusat latihan bergantung kepada pihak persatuan sukan negeri dan terdapat persatuan sukan negeri yang tidak mempunyai dana khusus untuk bayaran sewaan gelanggang atau premis latihan. Ini menyebabkan persatuan sukan negeri terpaksa mencari premis latihan yang tidak berbayar. Selain itu, lokasi pusat latihan yang berdekatan dengan atlet juga antara faktor pemilihan gelanggang. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-22 dan 2-23)**	11 Cheras ini adalah inisiatif pihak persatuan yang berunding untuk menggunakan pusat ini sebagai pusat latihan mereka. Peruntukan yang diberikan kepada persatuan adalah terhad dan menyebabkan pihak persatuan mencari premis latihan yang tidak berbayar. Selain itu, lokasi tempat latihan yang berdekatan dengan atlet juga antara faktor pemilihan pusat latihan.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
ii. Pusat Latihan Gimrama Pemeriksaan Audit pada 7 Januari 2019 di Dewan Gimnastik Seksyen 6 Shah Alam yang ditadbir urus oleh DEFM mendapati pusat latihan atlet gimrama berkongsi dengan gelanggang badminton. DEFM membenarkan gelanggang badminton ini digunakan oleh orang awam dengan mengenakan caj sewaan. Bagaimanapun, tiada bayaran dikenakan kepada atlet gimrama bagi menjalani latihan dalam dewan tersebut. Pemeriksaan Audit mendapati sebahagian lantai dalam Dewan Gimnastik telah rosak seperti *parquet* tercabut serta kebocoran pada bumbung. MSNS didapati tidak mempunyai kawalan ke atas penggunaan gelanggang oleh orang awam disebabkan kawalan keselamatan dan penyenggaraan dewan diuruskan oleh DEFM. Kesannya, wujud risiko kerosakan peralatan dan platform gimrama sekiranya berlaku pencerobohan. Kerosakan lantai dan bumbung memberi persepsi negatif kepada atlet dan orang awam terhadap kualiti dewan yang digunakan sebagai tempat latihan. Maklum Balas DEFM yang diterima pada 2 April 2019 dan 20 Ogos 2019 DEFM tidak lagi menjadi pengurus fasiliti Dewan Gimnastik di Kompleks Sukan Seksyen 6 bermula pada tahun 2019. DEFM telah melaksanakan penyerahan penuh aset kepada Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan dimaklumkan diuruskan oleh MSNS. Status pengambilalihan semula Kompleks Sukan SUKSES masih dalam proses penyediaan Kertas Ringkasan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) sebelum diangkat ke MMKN bagi kelulusan. Perkara ini dijangka selesai selewat-lewatnya penghujung tahun 2019. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-23 hingga 2-25)**	Dimaklumkan bahawa, sebelum ini Kompleks Sukan SUKSES Seksyen 6, Shah Alam adalah hakmilik Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI) dan diuruskan serta diselenggara oleh pihak Darul Ehsan Facilities Management (DEFM). Majoriti penggunaan Kompleks tersebut adalah digunakan oleh atlet Selangor di bawah pengurusan pihak Majlis. Sepanjang pengurusan oleh pihak DEFM terdapat kerja-kerja penyelenggaraan yang tidak dijalankan. Perkara ini telah menyebabkan berlakunya kerosakan pada peralatan yang digunakan untuk latihan. Sehubungan dengan itu, pihak Majlis telah mengemukakan permohonan bagi pengambilalihan pengurusan Kompleks tersebut melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Hasil daripada keputusan MMKN Kertas MMK. No. 34 / 5 / 2020 No. Ruj. IPK.Sel.MMKN (R) 600-3/2/15/15/2020 (4) pada 12 Februari 2020, pihak Majlis telah mendapat kelulusan untuk mengawal selia Kompleks tersebut tetapi tiada peruntukan disediakan pada tahun 2020. Justeru itu, pihak Majlis telah mengemukakan permohonan dan masih dalam perbincangan untuk mendapatkan peruntukan bagi membiayai kos-kos penyelenggaraan tersebut.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
iii. Asrama Pusat Latihan Pemeriksaan Audit pada 15 Januari 2019 di asrama Pusat Latihan Angkat Berat Batu 18 Hulu Langat yang diuruskan oleh Persatuan Angkat Berat Selangor mendapati katil tidak mencukupi dan lokar tidak disediakan untuk atlet. Semakan Audit mendapati hanya satu (1) katil dua tingkat disediakan untuk tiga (3) atlet lelaki yang menginap di asrama tersebut. Pada 16 Januari 2019, pihak Audit juga telah menjalankan pemeriksaan di asrama Pusat Latihan Sukan Layar Batu Laut, Kuala Langat yang diuruskan oleh Persatuan Perahu Layar Negeri Selangor. Pemeriksaan tersebut mendapati ruang asrama yang terhad menyebabkan katil dua tingkat disusun terlalu rapat sehingga tiada ruang yang selesa untuk atlet bergerak. Selain itu, lampu tidak berfungsi dan langsir tidak dipasang untuk keselesaan atlet. Katil besi yang tidak digunakan juga disusun dalam ruang asrama yang sama. MSNS tidak memberi peruntukan secara khusus kepada persatuan sukan negeri untuk menyelenggara asrama atlet. Ini memberi impak kepada keselesaan pengguna asrama. Maklum Balas MSNS yang Diterima pada 1 April 2019. MSNS tidak mempunyai peruntukan bagi menyediakan kemudahan asrama bagi semua jenis sukan. Asrama sukan angkat berat merupakan inisiatif dan usaha persatuan sukan negeri untuk atlet berlatih secara sepenuh masa. Begitu juga bagi kemudahan asrama seperti katil, tilam serta lain-lain peralatan untuk sukan layar disediakan oleh pihak persatuan berdasarkan peruntukan yang ada untuk kegunaan atlet. MSNS tidak mempunyai peruntukan bagi tujuan penyenggaraan asrama. MSNS hanya memberi bantuan bagi membayar utiliti dan makanan tambahan kepada atlet sukan angkat berat manakala tiada peruntukan untuk penyenggaraan asrama sukan layar. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-25 hingga 2-27)**	Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) tidak mempunyai peruntukan khusus bagi menyediakan kemudahan penginapan atau asrama kepada pasukan yang memerlukan. Bagi asrama sukan angkat berat dan juga asrama sukan perahu layar yang dilaporkan oleh pihak audit adalah merupakan inisiatif dan usaha pihak persatuan untuk memberi kemudahan penginapan kepada atlet-atlet mereka berlatih secara sepenuh masa. Pihak persatuan juga mempunyai peruntukan yang terhad untuk menguruskan dan menyelenggara penginapan tersebut. Program latihan sukan perahu layar dan angkat berat ini dijalankan secara sepenuh masa dan sukan ini memerlukan atlet menjalani latihan intensif dan berterusan. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) hanya memberi bantuan peralatan yang dibeli mengikut keperluan dan jumlah peruntukan tahunan yang disediakan.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
b. Penggunaan dan Penyimpanan Peralatan Sukan i. Peralatan sukan yang disediakan mestilah dalam keadaan baik, mencukupi, sempurna dan terkini untuk memantapkan pembangunan sukan selain memastikan atlet dapat menjalani latihan dengan lebih berkesan. Peralatan yang digunakan hendaklah disimpan secara teratur bagi memastikan ia tidak mudah rosak. ii. Pemeriksaan Audit di Pusat Latihan Sukan Layar mendapati perahu layar yang disimpan dalam bangunan asrama berselerak dan tidak teratur. Peralatan ini juga disimpan bersekali dengan katil besi dan tilam yang dijadikan alas penyimpanan perahu layar. Selain itu, peralatan layar, perahu, aksesori pakaian seperti jaket keselamatan dan *sailing pant* bernilai RM175,207 masih belum digunakan sejak ia dibeli pada tahun 2018. Peralatan tersebut hanya diletakkan di atas lantai dan tidak disimpan dengan teratur. iii. Perkara tersebut berlaku disebabkan kekurangan ruang penyimpanan perahu layar dan aksesori. Selain itu, persatuan tidak melaksanakan susunan yang lebih teratur, kemas dan praktikal bagi mengelakkan peralatan rosak dan tidak boleh digunakan. Pihak Audit juga mendapati peralatan tersebut tidak direkodkan dalam Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-4) kerana ia bukannya dikategorikan sebagai aset MSNS. Peralatan tersebut merupakan bantuan yang diberikan oleh MSNS kepada persatuan bagi persedian SUKMA di bawah perbelanjaan peralatan SUKMA dan pakaian pasukan. iv. Pemeriksaan Audit selanjutnya di pusat latihan angkat berat mendapati *discs* yang masih digunakan oleh atlet semasa latihan telah pecah dan rosak. Bar yang telah berkarat dan *platform* yang telah rosak turut ditempatkan dalam kawasan latihan tersebut. Pihak Audit dimaklumkan bahawa meja yang ada di pusat latihan tersebut dibuat sendiri oleh atlet bagi menampung bebanan semasa pemasangan *disc*. Keadaan ini boleh menyebabkan kecederaan kepada atlet sekiranya meja tersebut	Pihak Persatuan Sukan Layar Selangor mempunyai ruang penyimpanan peralatan dan aksesori yang terhad. Atas dasar keselamatan, pihak persatuan tiada pilihan dan terpaksa meletakkan peralatan tersebut di dalam bilik asrama tersebut. Peralatan yang disimpan itu adalah peralatan yang baru dan hanya digunakan untuk kejohanan. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) telah memaklumkan kepada persatuan sukan layar ini untuk mengemas dan menyusun kesemua peralatan dengan lebih teratur dan menempatkan peralatan tersebut di ruangan yang lebih sesuai. Bagi sukan angkat berat, pasukan ini masih menggunakan semua peralatan tersebut meskipun keadaan peralatan tersebut telah uzur dan rosak seperti yang dilaporkan oleh pihak audit kerana pasukan ini berlatih secara sepenuh masa dan berlakunya *wear and tear* pada alat. Pihak Majlis Sukan Negeri Selangor (MSNS) memberi bantuan peralatan ini mengikut keperluan dan terhad kepada peruntukan tahunan yang disediakan.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
rosak atau patah akibat bebanan *disc* yang digunakan atlet semasa latihan. Pada pendapat Audit, pengurusan peralatan di MSNS adalah kurang cekap berikutan terdapat peralatan sukan yang belum digunakan sejak dibeli dari tahun 2018 dan juga terdapat peralatan sukan yang tidak disimpan dengan teratur. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-27 hingga 2-31)**	
c. Pelaksanaan Kerja Penyenggaraan i. Pekeliling Perbendaharaan PK 4.1 Bab 5 berkaitan Kelambatan dan Lanjutan Masa menyatakan agensi hendaklah memantau pelaksanaan kemajuan kerja oleh kontraktor dilantik. Agensi hendaklah memastikan tindakan diambil untuk mengelakkan berlakunya kelewatan penyiapan kerja. Bagi tahun 2017 dan 2018, MSNS telah melaksanakan sebanyak 14 kerja penyenggaraan bernilai RM5.42 juta. ii. Semakan Audit terhadap dokumen bagi kerja penyenggaraan yang dilaksanakan oleh MSNS mendapati empat (4) kerja berjumlah RM1.81 juta telah disiapkan melebihi tempoh yang ditetapkan dengan kelewatan antara 37 hingga 168 hari. Antara sebab berlakunya kelewatan adalah prestasi kontraktor yang tidak memuaskan, faktor cuaca dan perubahan tapak projek. Bagaimanapun, tiada denda lewat dikenakan bagi kesemua empat (4) kerja tersebut memandangkan tiada klausa pengenaan denda dinyatakan dalam Surat Setuju Terima iii. Semakan Audit selanjutnya mendapati kontrak kerja menaik taraf padang bola sepak Akademi Bola Sepak Merah Kuning bernilai RM269,215 telah ditamatkan pada 16 November 2018. Penamatan tersebut adalah disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan walaupun telah diluluskan lanjutan masa sebanyak empat (4) kali selama 238 hari. Setakat tarikh lawatan Audit pada bulan Januari 2019 pelantikan kontraktor baru belum dibuat bagi menyiapkan kerja tersebut. Kesannya, kemudahan tidak dapat digunakan mengikut jadual. **(Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 2-31 dan 2-32)**	Pihak MSNS telah membuat penambahbaikan terhadap klausa yang mengenakan denda terhadap kontraktor yang memungkiri kontrak. Bagi kerja-kerja membaikpulih padang Kompleks ABMK, tiada pelantikan kontraktor baru bagi meneruskan kerja-kerja tersebut disebabkan baki peruntukan sedia ada adalah tidak mencukupi. Ini kerana telah berlakunya tanah runtuh di kawasan bukit bersebelahan padang yang menjadi punca penambahan skop kerja seperti membina pagar baru di kawasan tepi padang serta pembersihan kesan tanah runtuh. Perkara ini telah menyebabkan kos membiayai kerja membaikpulih padang tersebut melebihi daripada kos yang asal. Justeru itu, bagi mengatasi masalah kos peruntukan tersebut pihak Majlis telah mengambil langkah penjimatan dengan menswastakan pengurusan Kompleks ABMK tersebut kepada pihak Persatuan Bolasepak Melayu Selangor (PBMS) bagi mengurus dan menyelenggara Kompleks ABMK berkenaan yang telah berkuatkuasa pada 1 September 2019 sehingga 31 Ogos 2029.

ULASAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2018

SIRI 2 : PENGURUSAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
SACC CONVEC SDN. BHD.

3. Tadbir Urus Korporat

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
6.1. Tadbir Urus Korporat **a. Lembaga Pengarah** i. Berdasarkan amalan terbaik *Green Book* perenggan 1.1.4, Lembaga Pengarah hendaklah dilantik berdasarkan pelbagai kemahiran berkaitan industri dan pengalaman menguruskan operasi syarikat bagi menyumbang kepada Lembaga Pengarah yang dinamik, cekap dan berkesan. Selain itu, Lampiran 1 dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan PKNS turut menggariskan kepakaran Pengerusi dan ALP perlulah sekurang-kurangnya telah memegang jawatan tinggi dalam sesebuah organisasi awam dan swasta. ii. Semakan Audit berdasarkan *curriculum vitae* (CV) ALP mendapati, seorang Yang Berhormat (YB.) Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak mempunyai kemahiran berkaitan industri dan pengalaman menguruskan operasi syarikat. Manakala, maklumat berhubung tahap kemahiran dan pengalaman seorang YB. ADUN tidak dapat ditentukan berikutan dokumen CV tiada dikemukakan bagi semakan pihak Audit. Semakan lanjut mendapati pelantikan kedua-dua ALP tersebut telah diluluskan oleh PKNS. ALP yang tidak mempunyai kemahiran yang bersesuaian serta pengalaman menguruskan operasi syarikat akan menyukarkan Lembaga Pengarah dalam membuat keputusan secara efektif, cekap dan berkesan bagi membantu syarikat mencapai objektif yang ditetapkan.	Bagi memperkasa pengetahuan dan kemahiran Ahli Lembaga Pengarah dan Ahli EXCO SCSB yang dilantik, syarikat telah melaksanakan Program Familiarization Trip ke Forest City Golf Resort pada 21-23hb September 2019. Lawatan ini mendedahkan barisan Pengurusan syarikat bersama ALP/EXCO SCSB mengenai operasi Golf, F&B dan MICE di Forest City dan Smart City Forest City. Selain itu, syarikat telah menyediakan kalendar Program/Latihan sepanjang Tahun 2020 dan akan melibatkan penyertaan daripada ALP/EXCO dan Ahli Pengurusan SCSB.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
iii. Seksyen 213, Akta Syarikat 2016 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai pengetahuan, kemahiran dan pengalaman dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Manakala *Green Book* perenggan 1.4.4. pula menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah memastikan ahlinya mempunyai akses kepada program pembelajaran yang berterusan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks serta mengekalkan penyertaan yang aktif semasa mesyuarat. iv. Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, tiada rekod menunjukkan kesemua ALP SCSB telah menghadiri latihan, kursus dan seminar yang berkaitan dengan tugas dan aktiviti syarikat. SCSB juga tidak menyediakan program pembelajaran berkaitan bagi memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan kerana tidak maklum keperluan untuk mengadakan latihan kepada ALP. Potensi ALP untuk memperkasakan diri dalam pembangunan perniagaan yang dinamik dan kompleks adalah rendah tanpa program pembelajaran berterusan. Pada pendapat Audit, ketiadaan latihan dan kursus berterusan untuk ALP adalah tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat. Akses kepada kursus yang bersesuaian dengan Lembaga Pengarah dapat membantu meningkatkan profesionalisme, kemahiran dan pengetahuan berkaitan aktiviti syarikat dan tadbir urus korporat. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-10 hingga 3-12)** **b. Setiausaha Syarikat** i. Seksyen 236, Akta Syarikat 2016 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha dan menentukan terma dan syarat pelantikan itu. Selain itu, MCCG 2017 amalan 1.4 menyatakan antara peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat adalah memantau perkembangan	Skop dan terma pelantikan Setiausaha Syarikat telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara pada 27hb September 2019.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
tadbir urus korporat. Perkara ini bertujuan untuk membantu Lembaga Pengarah dalam melaksanakan amalan tadbir urus bagi memenuhi keperluan Lembaga Pengarah dan jangkaan pihak berkepentingan. ii. Semakan Audit mendapati lantikan Setiausaha Syarikat, No. Pendaftaran: 686101-V ada dinyatakan dalam Perlembagaan Syarikat. Bagaimanapun, terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat tidak ditetapkan oleh Lembaga Pengarah SCSB. Ketiadaan terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat ini adalah tidak selaras dengan Akta Syarikat 2016. Peranan dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat yang tidak diperincikan menyebabkan fungsi menasihati Lembaga Pengarah SCSB berkaitan amalan tadbir urus korporat tidak dilaksanakan dengan berkesan. Sebagai contoh, Setiausaha Syarikat tidak menasihati Lembaga Pengarah untuk menghadiri program pembelajaran berterusan. Pada pendapat Audit, penyediaan terma dan syarat pelantikan Setiausaha Syarikat adalah keperluan di bawah peruntukan Akta Syarikat 2016 bagi memastikan peranan serta tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan berkesan. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-12 dan 3-13)**	
c. Ketua Pegawai Eksekutif	
i. *Green Book* perenggan 3.3.1 menyatakan antara lain peranan penting Lembaga Pengarah ialah untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) mengikut kesesuaian syarikat. Selain itu, perkara 3.6 dalam Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan PKNS menyatakan Lembaga Pengarah boleh mengenal pasti dan mengesyorkan kepada PKNS calon berkelayakan untuk mengisi jawatan KPE. ii. Semakan Audit sehingga bulan Jun 2019 mendapati jawatan KPE masih belum diisi secara tetap selama tiga (3) tahun semenjak kekosongan jawatan berlaku pada bulan Jun	Merujuk kepada syor Ahli Lembaga Pengarah SCSB mengenai pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif SCSB, Bahagian Perancangan Korporat PKNS telah membentangkan kertas cadangan kepada Mesyuarat Pengurusan PKNS pada 26hb November 2019. Sehubungan dengan itu, Mesyuarat Pengurusan PKNS telah meluluskan cadangan dan syor yang dikemukakan oleh pihak Ahli Lembaga Pengarah SCSB. Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif SCSB telah dibuat kepada En. Nasrudin Abu Bakar dan lantikan tersebut berkuatkuasa 1hb Oktober 2019 sehingga 8hb September 2021.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
2016. Jawatan KPE pada masa ini masih dipangku oleh Ketua Pegawai Operasi SCSB sejak bulan Disember 2018. Antara sebab pengisian jawatan secara tetap tidak dilaksanakan adalah berikutan ALP tidak mengesyorkan pengisian jawatan KPE kepada syarikat induk PKNS. Kekosongan jawatan KPE dalam tempoh yang lama secara tidak langsung boleh memberi kesan kepada operasi dan prestasi pengurusan syarikat. Pada pendapat Audit, pelantikan KPE tidak dibuat dengan cekap kerana ALP mengambil masa yang terlalu lama untuk mengenal pasti calon yang sesuai. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-13 hingga 3-14)**	
6.2. Pengurusan Aktiviti Aktiviti utama SCSB adalah mengendalikan dan menguruskan Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) sejak tahun 2009 dengan menawarkan perkhidmatan penyewaan dewan dan bilik acara, perkhidmatan acara, perkhidmatan katering, pengurusan dan perundingan kepada pelanggannya. Pada tahun 2014, SCSB telah mengembangkan kepakaran pengurusan mereka dengan diberi tanggungjawab menguruskan Kelab Golf Seri Selangor (KGSS). Hasil semakan Audit terhadap aktiviti SCSB adalah seperti berikut:	
6.2.1. Prestasi Aktiviti **a. Pencapaian Output - Petunjuk Prestasi Utama**	
i. SCSB telah menyediakan pelan strategik 2015-2019 dan 2019-2021 yang meliputi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dari segi kewangan, pelanggan, proses kerja dalaman serta pembangunan dan pembelajaran. Penetapan KPI SCSB dibuat berdasarkan keperluan dan tahap keupayaan syarikat dalam menjalankan operasi harian serta diluluskan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah SCSB.	SCSB telah mengambil inisiatif menjalankan aktiviti promosi dan pengiklanan pakej mesyuarat, insentif, persidangan dan pameran (MICE) yang berpatutan bersesuaian dengan bajet pelanggan. SCSB telah melaksanakan usaha pengembangan perniagaan dalam aktiviti F&B dengan memperolehi kontrak usaha sama bagi menguruskan operasi Kafe di Kelab Golf

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
ii. Semakan Audit mendapati pencapaian KPI SCSB bagi tahun 2016 hingga 2018 ialah antara 40% hingga 66.7% berbanding sasaran indikator yang ditetapkan. Pencapaian KPI SCSB bagi tahun 2016 adalah pada tahap 40% dengan hanya enam (6) daripada 15 indikator KPI yang dicapai. Manakala, bagi tahun 2017 sebanyak tujuh (7) daripada 12 KPI (58.3%) berjaya dicapai. Bagi tahun 2018 pula, tahap pencapaian KPI SCSB adalah pada 66.7% melibatkan pencapaian enam (6) daripada sembilan (9) indikator KPI yang ditetapkan. iii. Antara sebab kelemahan pencapaian KPI SCSB bagi tahun 2016 hingga 2018 berikutan permintaan yang rendah terhadap penganjuran acara dan penyewaan fasiliti yang disediakan oleh syarikat serta persaingan sengit dalam industry MICE. Selain itu, impak dari pelaksanaan projek Transit Aliran Ringan (LRT3) yang sedang dilaksanakan berhampiran lokasi premis SACC juga secara tidak langsung menyumbang kepada pengurangan pendapatan SCSB. Pada pendapat Audit, SCSB tidak cekap dalam mencapai sasaran KPI yang ditetapkan kerana pencapaian sebenar bagi tahun 2016 hingga 2018 ialah antara 40% hingga 66.7%. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-15 hingga 3-17)**	Perkhidmatan Awam, Bukit Kiara KL. Salinan surat lantikan daripada Kelab Golf Perkhidmatan Awam (KGPA) telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara pada 27hb September 2019. SCSB juga mensasarkan untuk memperolehi kontrak PKNS bagi menguruskan operasi Restoran Terapung Taman Tasik Shah Alam. Salinan kertas cadangan dan surat tunjuk minat daripada SCSB kepada PKNS telah diserahkan kepada Jabatan Audit Negara pada 27hb September 2019.
6.2.5. Pengurusan Penyenggaraan a. Klausa 4.5 Perjanjian Sewaan antara PKNS dan SCSB bagi penyewaan SACC menyatakan PKNS akan menanggung segala kerja penyelenggaraan utama seperti *public address system,* sistem kamera litar tertutup (CCTV), SMATV *system, building automation system,* lif dan tangga bergerak serta penghawa dingin, *chiller* dan *cooling tower*. Manakala bagi penyenggaraan selain di atas, klausa 3.21 menetapkan SCSB adalah bertanggungjawab ke atas aspek penyenggaraan dan membaiki kerosakan yang berlaku.	Berhubung dengan pengurusan penyenggaraan SACC di bawah tanggungjawab PKNS telah dibuat. Semakan semula bajet tahunan 2020 berhubung kos penyenggaraan bilik acara dan fasiliti di SACC akan dibuat berdasarkan kesan penularan Covid 19 dan jualan MICE yang terjejas sejak bulan Mac 2020.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
b. SCSB telah melaksanakan tiga (3) jenis penyenggaraan pencegahan secara berkala di SACC dengan melantik kontraktor bagi penyenggaraan seperti *kitchen equipment (burner), air-conditioner (split units)* dan *Tormax automatic door*. Manakala bagi penyenggaraan kelengkapan dan peralatan antara lain seperti penyenggaraan elektrik, bangunan dan audio/video hanya dilaksanakan sekiranya berlaku kerosakan. *c.* Semakan Audit mendapati penyenggaraan berkala tidak dilaksanakan mengikut kekerapan yang ditetapkan bagi kontrak penyenggaraan berkala, iaitu penyenggaraan *air conditioner (split unit)* dan *Tormax automatic door preventive maintenance.* d. Analisis Audit berdasarkan *Maintenance Service Report* dan *Maintenance Ledger* mendapati penyenggaraan *air conditioner (split unit)* hanya dilaksanakan sebanyak dua (2) kali berbanding enam (6) kali kekerapan yang ditetapkan bagi tempoh bulan November 2016 hingga Oktober 2017. Manakala penyenggaraan *Tormax automatic door preventive* maintenance bagi bulan November 2016 hingga Julai 2017, hanya dilaksanakan sebanyak dua (2) kali berbanding empat (4) kali kekerapan sepatutnya. Bagi tempoh bulan Ogos 2018 hingga Julai 2019 pula, penyenggaraan dilaksanakan tiga (3) kali berbanding empat (4) kali kekerapan sepatutnya. e. Pemeriksaan fizikal Audit pada bulan Julai 2019 mendapati tiga (3) daripada lima (5) lif di premis SACC telah rosak dan masih belum diambil tindakan pembaikan. Lif yang mengalami kerosakan adalah melibatkan lif penumpang S2-B di Wing Selatan, satu (1) lif penumpang di Wing Barat dan lif kargo yang merupakan antara kemudahan utama dan penting dalam penyampaian perkhidmatan SCSB kepada pelanggan. f. Pemeriksaan fizikal Audit selanjutnya mendapati berlaku 11 kebocoran ABS Pipe di	

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
tingkat aras bumbung yang masih belum diambil tindakan pembaikan oleh pihak PKNS. g. Semakan lanjut turut mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, sebanyak 16 aduan telah dibuat oleh SCSB kepada PKNS bagi penyenggaraan di bawah tanggungjawab PKNS. Namun tiga (3) aduan melibatkan lima (5) kerosakan kelengkapan masih belum diambil tindakan. h. Berdasarkan laporan bajet tahunan dan temu bual bersama pegawai SCSB, penyenggaraan yang menyeluruh tidak dapat dilaksanakan berikutan peruntukan kewangan yang terhad dan perlu dirancang mengikut keutamaan. Kemudahan yang tidak disenggara dan rosak boleh menjejaskan imej SCSB serta perkhidmatan pelanggan tidak mencapai tahap memuaskan. Pada pendapat Audit, SCSB tidak menjalankan penyenggaraan berkala dengan cekap. Penyenggaraan yang tidak mengikut kekerapan dan kerosakan kemudahan yang belum diambil tindakan pembaikan akan menjejaskan operasi dan tahap penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-27 hingga 3-30)**	
6.2.6. Pengurusan Kutipan Bayaran a. Berdasarkan SOP Deposit & Payment SCSB, bayaran penuh bagi tempahan acara yang dibuat oleh pelanggan perlu dijelaskan dalam masa 14 hari sebelum tarikh sebenar acara berlangsung. *Undertaking letter* akan diterima selepas kelulusan oleh Bahagian Kewangan bagi syarikat berkaitan kerajaan dan pelanggan tetap syarikat berkaitan kerajaan. b. Semakan Audit mendapati tunggakan penghutang dagangan SCSB bagi tahun 2015 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM1.75 juta, RM1.81 juta, RM2.18 juta dan RM2.21 juta. Bagi tempoh tersebut, jumlah penghutang dagangan menunjukkan trend peningkatan antara 1.4% hingga 20.4%. Peningkatan yang	Tindakan SCSB memperkasakan lagi proses pengurusan hasil, selain SOP dipatuhi, lantikan Penyelia Kawalan Penghutang juga telah dibuat pada Mac 2020.

Rujukan Klausa Laporan	Ulasan
ketara pada tahun 2017 berjumlah RM366,604 (20.4%) adalah disumbang oleh penganjuran acara yang dilaksanakan pada penghujung bulan Disember tahun tersebut. c. Semakan lanjut terhadap jadual pengumuran penghutang dagangan SCSB sehingga bulan Jun 2019 mendapati penghutang dagangan SCSB adalah berjumlah RM1.71 juta. Sejumlah 25.3% tunggakan penghutang dagangan SCSB merupakan tunggakan semasa melibatkan transaksi dalam tempoh satu (1) bulan berjumlah RM434,348. Selain itu, penghutang dagangan dengan tempoh tunggakan melebihi 120 hari adalah berjumlah RM0.75 juta atau 44% daripada keseluruhan tunggakan yang masih belum dijelaskan. d. Semakan Audit mendapati antara penyebab tunggakan penghutang yang tinggi adalah berikutan ketiadaan unit khusus bertanggungjawab terhadap aspek kawalan kredit yang memfokus terhadap kutipan amaun tertunggak di SCSB. Tunggakan penghutang yang tinggi memberi kesan aliran tunai operasi syarikat. Selain itu, amaun tertunggak yang berpanjangan menyukarkan pihak SCSB menuntut kembali amaun daripada penghutang. Pada pendapat Audit, pengurusan kutipan bayaran penghutang dagangan SCSB adalah tidak cekap berikutan tunggakan melebihi 120 hari, iaitu 44% daripada jumlah keseluruhan tunggakan bernilai RM1.71 juta pada bulan Jun 2019. (**Rujuk LKAN 2018 Siri 2, muka surat 3-31 dan 3-32)**	

DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773

PERBENDAHARAAN SELANGOR

SEMPURNA DAN SAKSAMA

http: //pwn.selangor.gov.my